D2

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2025

NATIONAL HOUSEHOLD INDICATORS SURVEY (NHIS)

PANDUAN PENEMURAMAH

BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA & SOSIAL
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PANDUAN PENEMURAMAH

National Household Indicators Survey (NHIS) 2025

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial

Jabatan Perangkaan Malaysia

ISI KANDUNGAN MUKA SURAT

1. PENGENALAN 1

2. PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK 9

3. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA 11

4. BUTIR-BUTIR PENGENALAN 15

5. MODUL SOALAN 22

MODUL A: BUTIR – BUTIR AHLI ISI RUMAH 22

MODUL B: PERKEMBANGAN AWAL KANAK - KANAK 35

MODUL C: PENDIDIKAN 43

MODUL D: JURANG GAJI KESAKSAMAAN GENDER 80

MODUL E: KERJA DOMESTIK, PENJAGAAN DAN KESELAMATAN 84

MODUL F: HAK KESAMARATAAN 87

MODUL G: TEMPAT KEDIAMAN 99

1. PENGENALAN

1.1 TUJUAN

National Household Indicators Survey (NHIS) adalah survei yang menggunakan pendekatan Isi Rumah yang dijalankan bagi memenuhi keperluan indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Panduan Mengisi Soal Selidik *National Household Indicators Survey* (NHIS) 2025 adalah bertujuan untuk memberikan panduan terperinci kepada responden bagi mengisi Soal Selidik Modul A sehingga Modul G. Panduan ini menerangkan cara mengisi soal selidik mengikut modul seperti berikut:

- Modul A : Butir – Butir Ahli Isi Rumah
- Modul B : Perkembangan Awal Kanak-Kanak
- Modul C : Pendidikan
- Modul D : Jurang Gaji Kesaksamaan Gender
- Modul E : Kerja Domestik, Penjagaan dan Keselamatan
- Modul F : Hak Kesamarataan
- Modul G : Tempat Kediaman

1.2 PENDUDUK YANG DILIPUTI DALAM SURVEI

Survei ini akan dijalankan di seluruh negara, merangkumi Isi Rumah di bandar dan di luar bandar. Semua orang yang tinggal di tempat kediaman terpilih dan yang memenuhi syarat-syarat tertentu adalah termasuk dalam survei ini. (Untuk syarat-syarat ini, rujuk takrifan Isi Rumah di muka surat 4). Survei ini hanya meliputi orang yang tinggal di **tempat kediaman (TK) persendirian** di mana mereka adalah ahli biasa yang mendiami tempat kediaman tersebut.

Tidak termasuk dalam survei adalah mereka yang tinggal di **kawasan di bawah perlindungan diplomatik (kawasan kedutaan negara lain di Malaysia)** dan yang tinggal di **TK institusi** seperti rumah persinggahan, asrama, rumah anak yatim, hotel, pusat pemulihan akhlak, penjara,

hospital, klinik, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi[1].

Nota: Anggota tentera atau polis dan keluarganya yang tinggal di TK persendirian walaupun termasuk di dalam kawasan tentera atau polis akan diambil kira dalam survei ini.

1.3 TEMPOH RUJUKAN

NHIS menggunakan pendekatan **taraf semasa**, di mana satu tempoh masa tertentu telah digunakan bagi menentukan taraf aktiviti seseorang. Pungutan data survei ini dijalankan ke atas Isi Rumah di tempat kediaman (**TK**) terpilih pada hari survei iaitu pada **Mei sehingga Ogos 2025**.

Tempoh rujukan adalah dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau waktu semasa (bergantung kepada soalan).

Tempoh survei dan rujukan bagi *National Household Indicators Survey*	
Tempoh Rujukan	**Tempoh Survei**
Dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau waktu semasa (bergantung kepada soalan)	Mei sehingga Ogos 2025.

Temu ramah juga dijalankan di semua kawasan di setiap negeri kecuali jika tempat kediaman terpilih terletak di kawasan yang sukar untuk dihubungi dan tidak kos efektif setelah disahkan oleh pengurusan DOSM Negeri dan diluluskan oleh Bahagian Metodologi & Penyelidikan di ibu pejabat DOSM.

1.4 BLOK PENGHITUNGAN (BP)

BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan secara rekaan dan biasanya mempunyai sempadan-sempadan yang tertentu.

Secara purata satu BP mengandungi antara 80 hingga 120 TK. Satu pertimbangan yang khusus dalam mewujudkan BP adalah memastikan

[1] Tafsiran rumah kongsi juga bermaksud rumah buruh.

bahawa sempadan BP tidak merentangi daerah, mukim atau kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

BP merupakan sempadan statistik dan diwujudkan untuk tujuan operasi sama ada banci atau survei. Sempadan ini dihasilkan berdasarkan kepada:

i. Sempadan Pentadbiran
   Sempadan Pentadbiran diwujudkan untuk tujuan pentadbiran dan telah diwartakan. Sempadan Pentadbiran termasuk sempadan Negeri, Daerah, Mukim, Bandaraya, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Pihak Berkuasa Tempatan.

ii. Sempadan Fizikal
   Sempadan Fizikal boleh dilihat dan mudah dikenal pasti di muka bumi. Ia termasuk sempadan semula jadi seperti sungai, pantai, bukit dan tasik serta sempadan buatan manusia seperti jalan raya, landasan kereta api, parit, talian telekom dan sebagainya.

BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar.

Setiap BP mungkin mengandungi perkara berikut:

i. Unit Bangunan (UB);
ii. Tempat Kediaman (TK);
iii. Bukan Tempat Kediaman (BTK);
iv. Tempat Kediaman Institusi (TKI); dan
v. Premis Perniagaan.

1.5 UNIT BANGUNAN (UB)

UB ditakrifkan sebagai satu struktur bangunan yang secara fizikal terasing dari semua yang lain oleh ruang terdedah di sekelilingnya. Satu UB boleh mengandungi satu atau beberapa TK di dalamnya. Pada umumnya, UB boleh terdiri dalam bentuk rumah sesebuah, rumah berkembar, blok rumah teres, blok rumah kedai, blok apartmen/ kondominium atau rumah pangsa, blok rumah buruh, rumah bot, bangsal sementara, kilang dan lain-lain.

Sesebuah UB pada umumnya mungkin mengandungi:

i. Sebuah atau lebih Tempat Kediaman Persendirian;
ii. Tempat Kediaman Institusi (seperti asrama jururawat, kolej kediaman universiti dan seumpamanya);
iii. Bukan Tempat Kediaman (seperti bangunan industri dan kilang, kompleks membeli-belah, rumah-rumah ibadat dan seumpamanya); atau
iv. Kombinasi mana-mana satu daripada yang tersebut di atas.

Konsep UB adalah sama bagi kawasan bandar dan luar bandar.

1.6 TEMPAT KEDIAMAN (TK)

TK ialah struktur yang bebas dan terasing, digunakan untuk tempat kediaman tetap atau sementara. Takrifan perkataan berasingan dan bebas adalah seperti berikut;

i. Berasingan

Struktur dianggap berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan sebagainya serta ditutupi oleh bumbung.

ii. Bebas

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk secara terus dari tangga umum, tempat lalu lintas atau pun ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari TK mereka tanpa melalui perkarangan sesiapa pun).

a) TK boleh wujud dalam bentuk rumah sesebuah, rumah berkembar, pangsapuri, rumah pangsa, rumah teres, rumah buruh atau sebarang jenis struktur tetap atau sementara yang lain. Ia boleh juga wujud dalam bentuk bangsal, gua, tempat berteduh kecil yang berbumbung atau bot/ rakit yang digunakan sebagai TK.

b) Kadangkala struktur yang biasanya tidak digunakan sebagai TK seperti kedai perniagaan mungkin mengandungi TK. Contohnya, kedai runcit yang mempunyai bilik di sebelah belakang yang digunakan sebagai TK atau stesen minyak yang mempunyai struktur berbumbung dan didiami oleh penjaganya.

1.6.1 Mengenal pasti Tempat Kediaman (TK)

a) Penghuni sesebuah TK boleh mempunyai seorang atau lebih individu lain yang tinggal bersama. Penghuni sesebuah TK mungkin mempunyai pertalian persaudaraan atau tidak termasuk tetamu yang datang untuk satu jangka masa tertentu.

b) Pangsapuri atau bilik-bilik persendirian yang terdapat dalam TKI seperti hotel dan didiami oleh kakitangan hotel itu sendiri hendaklah dianggap sebagai TK berasingan.

c) Jika terdapat sesebuah rumah dibahagikan kepada beberapa unit di mana unit-unit tersebut wujud secara bebas atau berasingan, maka unit-unit tersebut dianggap sebagai TK yang berasingan.

d) Walau bagaimanapun, jika penghuni unit-unit TK tersebut mempunyai pertalian keluarga atau tidak dan mereka makan bersama, maka unit-unit TK berkenaan hendaklah dianggap sebagai satu TK sahaja.

e) Jika terdapat pemilik kedai dan keluarganya yang tinggal di bilik-bilik di sebelah belakang kedai, ruangan itu hendaklah dianggap sebagai sebuah TK.

1.6.2 Tempat Kediaman Institusi (TKI)

TKI merujuk kepada Tempat Kediaman beramai-ramai dan dimiliki atau diuruskan oleh sesebuah entiti bagi tujuan tertentu. Contohnya, hospital, pusat pemulihan, pusat jagaan orang tua, asrama/ kolej kediaman institusi pengajian tinggi (IPT), rumah anak yatim dan sebagainya.

1.6.3 Bukan Tempat Kediaman (BTK)

BTK adalah unit-unit yang pada dasarnya bukan untuk digunakan sebagai TK seperti masjid, rumah berhala, gereja, kilang, kedai, gedung perniagaan, bangunan pejabat, sekolah dan sebagainya. Unit-unit BTK tidak boleh dianggap sebagai TK.

1.7 ISI RUMAH (IR)

IR ditakrifkan sebagai **seorang atau beberapa orang yang bersaudara dan/ atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup lain**.

Satu isi rumah boleh dikelaskan kepada dua jenis yang asas; iaitu isi **rumah perseorangan** atau **isi rumah beramai-ramai**.

i. **Isi rumah perseorangan** didefinisikan sebagai **seorang yang tinggal bersendirian** di dalam **sebahagian atau keseluruhan** sebuah tempat kediaman berasingan atau seorang penyewa yang mendiami sebuah bilik yang berasingan atau bilik dalam sebahagian daripada tempat kediaman tetapi dia tidak menyertai ahli-ahli yang lain dalam tempat kediaman tersebut.

ii. **Isi rumah beramai-ramai** adalah dua orang atau lebih yang berkongsi mendiami sebahagian atau keseluruhan unit tempat kediaman dan secara bersama menyediakan makanan serta keperluan lain untuk hidup. Mereka mungkin mengumpulkan pendapatan untuk berkongsi perbelanjaan bersama. Kumpulan ini mungkin terdiri daripada mereka yang mempunyai tali persaudaraan atau tidak atau kedua-duanya sekali. Contohnya, keluarga yang mempunyai pembantu rumah yang tinggal bersama mereka.

Ketua Isi Rumah (KIR)
Merujuk kepada ahli isi rumah yang biasa tinggl di tempat kediaman ini dan dirujuk sebaga ketua oleh ahli-ahli isi rumah yang lain.

Ahli Isi Rumah (AIR)
Merujuk kepada individu yang tinggal bersama dalam satu rumah yang sama dan berkongsi perbelanjaan harian serta tanggungjawab harian. Mereka boleh terdiri daripada ahli keluarga sendiri seperti ibu, bapa, anak-anak, suami/ isteri dan juga boleh termasuk orang dewasa yang tinggal bersama sebagai rakan serumah.

Dengan itu, kriteria am yang digunakan untuk menentukan Ahli Isi Rumah beramai-ramai adalah mereka yang secara bersama menguruskan keperluan isi rumah dan berkongsi makanan. Dengan lain perkataan, bekalan makanan mereka diperoleh daripada perbelanjaan yang sama

atau daripada sumber kewangan yang disatukan dan mempunyai peraturan yang sama dalam penyediaan keperluan asas dan biasanya hidup bersama.

NOTA:

1) **Isi rumah perseorangan**
   Mempunyai hanya seorang ahli sahaja.

2) **Isi rumah keluarga asas**
   Mengandungi orang yang bersaudara melalui pertalian darah, perkahwinan atau saudara angkat. Komposisi isi rumah ini terdiri daripada:
   a. Ketua isi rumah dan isteri/ suami; atau
   b. Ketua isi rumah, isteri/ suami dan anak yang belum berkahwin.

3) **Isi rumah keluarga luas**
   Mengandungi ahli isi rumah yang terikat melalui pertalian darah perkahwinan atau bersaudara angkat yang terdiri daripada:
   a. Sebuah keluarga asas serta seorang atau lebih ahli yang bersaudara;
   b. Dua atau lebih keluarga asas;
   c. Dua atau lebih keluarga asas serta seorang atau lebih ahli yang bersaudara; atau
   d. Dua atau lebih orang yang bersaudara dan tidak membentuk keluarga asas.

4) **Isi rumah komposit**
   Mengandungi ahli isi rumah yang bersaudara atau tidak bersaudara.

1.8 AHLI BIASA ISI RUMAH

Berdasarkan pendekatan *de jure*, ahli biasa ialah ahli yang telah atau akan tinggal di TK terpilih bagi **tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.**

1.9 KERAHSIAAN

Sebilangan responden terpilih berkemungkinan menolak untuk menjawab soal selidik dan enggan menjawab soalan yang diajukan kerana terdapat soalan-soalan yang agak sensitif dikhuatiri boleh menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan responden. Justeru, sebagai seorang penemuramah, anda diharapkan dapat menjelaskan kepada responden bahawa:

a) Maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan. Tiada maklumat mengenai mana-mana individu akan didedahkan, bahkan kepada sektor awam lain.
b) Maklumat yang dikumpulkan akan diterbitkan dalam bentuk agregat bukan maklumat individu.

2. PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK

Bagi **Tempat Kediaman (TK) yang mempunyai lebih daripada satu Isi Rumah (IR)**, soal selidik tambahan diperlukan bagi **IR yang mempunyai lebih daripada lima orang** ahli biasa.

Bagi **soal selidik** tambahan:

Sila lengkapkan:

- Modul A (Butir – Butir Ahli Isi Rumah)
  Dijawab oleh semua Ahi Isi Rumah

- Modul B (Perkembangan Awal Kanak-kanak)
  Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah bagi mewakili Ahli Isi Rumah berumur 2 hingga 4 tahun 11 bulan

- Modul C (Pendidikan)
  C1 – C4 : Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih
  C5 – C10 : Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan ke bawah yang mengikuti kaedah *homeschooling*
  C11 – C16 : Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih
  C17 – C28 : Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih

- Modul D (Jurang Gaji Kesaksamaan Gender)
  Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih

- Modul E (Kerja Domestik, Penjagaan dan Keselamatan)
  Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih

- Modul F (Hak Kesamarataan)
  Hanya dijawab oleh Ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan lebih

- Modul G (Tempat Kediaman)
  Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah

Nota:

Modul G hanya perlu dilengkapkan di **borang soal selidik set pertama sahaja** dan tidak perlu diisi di set seterusnya.

3. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Pendahuluan

Bahagian ini adalah untuk kegunaan pejabat dan akan dilengkapkan dengan butiran kerja luar dan butiran lain yang berkenaan oleh unit pengekodan setelah kerja luar selesai dijalankan.

No. Unit Bangunan

Catatkan nombor unit bangunan di dalam kotak yang disediakan.

Jumlah Isi Rumah

Merujuk kepada jumlah Ahli Isi Rumah survei dijalankan. Sekiranya terdapat 2 Isi Rumah dalam sesebuah TK, dan IR tersebut merupakan IR pertama, maka catatkan

0	1	/	0	2

Negeri/ Pejabat Operasi

Merujuk kepada negeri survei dijalankan. Catatkan nama negeri pada kotak yang disediakan.

Tahun

Tahun semasa survei dijalankan.

Respon

Kod 1: Selesai

Merujuk kepada responden yang telah selesai menjawab soal selidik. Catatkan **Kod 1** pada ruang yang disediakan.

Kod 2: Kosong

Sebuah unit dianggap kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada hari temu ramah dijalankan. Iaitu, tiada seorang pun individu yang tinggal di tempat kediaman terpilih pada masa temu ramah dijalankan.

Walau bagaimanapun, jika penghuni unit tersebut tiada di TK buat sementara waktu, unit tersebut adalah dianggap didiami. Dapatkan kepastian daripada jiran sekiranya tempat kediaman tersebut didapati kosong.

Kategori **Kosong** adalah termasuk unit-unit rumah yang kosong seperti sebuah rumah, apartmen atau rumah pangsa untuk disewa atau dijual. Catatkan **Kod 2** pada ruang yang disediakan.

Kod 3: Tiada sesiapa di rumah
Catatkan **Kod 3** jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

i. Semua penghuni **tiada di TK buat sementara waktu** kerana urusan pekerjaan, bercuti, menjaga saudara-mara yang sakit atau sebab-sebab lain;
ii. Barang-barang kepunyaan penghuni seperti perabot dan perkakas rumah terdapat di TK berkenaan sebagai bukti rumah tersebut masih dihuni. Tentukan yang perabot-perabot tersebut adalah milik penghuni oleh sebab ia mungkin adalah unit rumah yang akan disewakan; atau
iii. Unit tersebut **bukan untuk disewa atau dijual** dalam tempoh ditinggalkan.

Jika penghuni dijangka akan pulang sebelum berakhirnya tempoh survei ini, tinggalkan surat lawatan semula dan buat lawatan semula. Jika penghuni tersebut dijangka tidak akan kembali sebelum berakhirnya tempoh survei, nyatakan pada soal selidik sebagai **Kod 3** di ruang yang disediakan.

Kod 4: Rumah dalam pembinaan
Catatkan **Kod 4** bagi unit-unit yang masih dalam proses pembinaan.

Kod 5: Bukan TK/ TK Institusi
Catatkan **Kod 5** pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang digunakan secara tetap sebagai tempat perdagangan, perniagaan atau menyimpan barang.

Kod 6: Telah roboh/ Rumah usang
Catatkan **Kod 6** pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang telah runtuh, dimusnahkan atau yang sedang diruntuhkan. Kategori ini termasuk unit TK yang musnah terlibat dalam kebakaran/ banjir dan lain-lain.

Kod 7: Tidak layak
Sesuatu Isi Rumah dilaporkan sebagai **Tidak layak** jika penghuninya bukan ahli biasa di TK terpilih. Catatkan **Kod 7** jika TK terpilih bukan satu unit kosong yang didiami sekali-sekala sahaja seperti rumah yang digunakan semasa percutian/ persinggahan. Kategori ini termasuk unit TK yang tidak didiami oleh pemilik berkenaan tetapi dijadikan ***homestay*** atau **rumah tamu**.

Kod 8: Enggan bekerjasama
Responden mungkin enggan memberi sebarang maklumat semasa temu ramah pertama dan lawatan seterusnya. Catatkan **Kod 8** pada ruang yang disediakan.

Bagi kes Ahli Isi Rumah yang berada di dalam rumah semasa pegawai kerja luar membuat lawatan, namun enggan keluar dari rumah untuk memberi maklum balas, kategori respon yang perlu diletakkan ialah Enggan bekerjasama walaupun tidak dapat bersemuka dengan responden, ini berdasarkan pemerhatian penemuramah.

Kod 9: Lain-lain
Merujuk kepada lain-lain sebab selain daripada kod respon yang disediakan. Catatkan **Kod 9** pada ruang yang disediakan.

Kod 0: Lain-lain (didiami)
Untuk tempat kediaman terpilih yang **didiami tetapi temu ramah tidak dapat dijalankan** disebabkan oleh kematian ahli keluarga, responden yang boleh dipercayai tidak dapat ditemui selepas beberapa lawatan dibuat (contoh: responden kanak-kanak), jalan tidak boleh dilalui (contoh: banjir) dan sebagainya. Catatkan **Kod 0** pada ruang yang disediakan.

Bil. Lawatan
Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemu ramah Isi Rumah dan kontak telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji.

Jika anda tidak dapat menghabiskan sesi temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya, maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapkan sebelum tempoh survei berakhir. Bagi lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan Ulasan Penemuramah. Ruangan ulasan penemuramah berada di muka surat terakhir borang soal selidik.

Masa Temu Ramah
Catatkan masa yang diambil semasa sesi temu ramah dijalankan.

Kumpulan Etnik Responden
Kumpulan etnik ialah sekumpulan orang yang terikat bersama-sama oleh hubungan bahasa, adat resam, agama yang sama dan sebagainya.

Tuliskan kod jawapan di petak yang berkenaan dengan merujuk kepada Buku Penyuntingan dan Pengekodan. Jangan membuat andaian berdasarkan nama, rupa atau sebagainya.

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) yang **berasal dari Semenanjung Malaysia**, kelaskan beliau dalam **Kod 1100 Melayu.**

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) yang **berasal dari Sabah**, kelaskan beliau dalam **kod 3998 Bumiputera Sabah Lain.**

Bagi AIR yang berasal daripada ibu bapa atau keturunan campuran, galakkan AIR membuat satu pilihan berdasarkan bahasa, agama, adat resam yang dipegang atau kumpulan mana ibu bapa AIR menganggap mereka berasal. Sebagai cara terakhir, catatkan etnik bapa.

Kod Bahasa
Catatkan kod bahasa yang utama semasa temu ramah dijalankan.

Lama masa Temu Ramah (Minit)
Catatkan tempoh masa yang diambil semasa menjalankan temu ramah iaitu daripada masa memulakan temu ramah hingga temu ramah ditamatkan.

No. Telefon
Nombor telefon merujuk kepada nombor telefon individu yang telah ditemu ramah sama ada nombor telefon rumah/ bimbit/ pejabat. Keutamaan diberikan kepada nombor telefon KIR atau orang yang bertanggungjawab dalam IR berkenaan.

4. BUTIR-BUTIR PENGENALAN

1) No. Kelompok

Nombor Kelompok digunakan bagi tujuan prosesan. Catatkan tiga (3) digit nombor kelompok pada kotak yang disediakan.

2) Bulan

Masukkan angka mengikut bulan survei dijalankan. Catatkan dua (2) digit pada kotak yang disediakan.

3) Negeri

Catatkan Kod Negeri dua (2) digit pada kotak yang disediakan.

4) Daerah Pentadbiran

Daerah Pentadbiran adalah kawasan pentadbiran yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang terdiri daripada mukim/ bandar/ pekan. Catatkan kod Daerah Pentadbiran dua (2) digit pada kotak yang disediakan.

5) Daerah Banci

Setiap Daerah Banci dibahagikan kepada beberapa Lingkungan Banci di mana secara puratanya satu Lingkungan Banci mengandungi 7 Blok Penghitungan. Secara umumnya, terdapat 80 hingga 120 Blok Penghitungan. Catatkan kod Daerah Banci tiga (3) digit pada kotak yang disediakan.

6) No. Blok Penghitungan

Blok Penghitungan merupakan sempadan statistik dan diwujudkan untuk tujuan operasi survei. Catatkan Nombor Blok Penghitungan enam (6) digit pada kotak yang disediakan. Tiga (3) digit pertama adalah untuk nombor penghitungan manakala tiga (3) digit berikutnya adalah untuk pecahan blok. Jika tiada pecahan blok, biarkan kosong.

7) Strata

Strata merujuk kepada sesuatu tempat kediaman itu terletak di dalam kawasan metropolitan, bandar besar, bandar kecil atau luar bandar. Maklumat strata akan diberi kepada anda sebelum menjalankan temu ramah.

Catatkan kod strata yang diberikan sama ada 1, 2, 3 atau 4 bagi Semenanjung Malaysia atau 1, 2, 3, 4, 5, 6 atau 7 bagi Sabah, W.P. Labuan dan Sarawak.

8) No. Tempat Kediaman

Catatkan nombor Tempat Kediaman empat (4) digit pada kotak disediakan.

9) No. Isi Rumah

Nombor ini merujuk kepada nombor siri isi rumah dalam TK yang terpilih. Catatkan nombor Isi Rumah dua (2) digit pada kotak disediakan dimulai dengan 01, 02 dan seterusnya.

10) Bandar/ Mukim

Catatkan nama bandar bagi tempat kediaman yang ditemu ramah. Bagi kawasan luar bandar pula, catatkan nama mukim tempat kediaman berkenaan.

11) Nama Responden

Butiran ini adalah merujuk kepada nama orang yang anda sedang temu ramah. Cuba seberapa yang boleh untuk menemu ramah Ketua Isi Rumah atau isteri atau suami atau orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah tersebut.

Jika orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah berkenaan tidak dapat ditemui walaupun setelah beberapa kali mencuba, anda hendaklah seboleh-bolehnya mendapatkan maklumat daripada anak-anak responden, pembantu rumah (jika ada) atau jiran tetangga. Walau bagaimanapun, **catatan hendaklah dibuat di ruangan Ulasan Penemuramah yang menyatakan butir-butir tersebut hanya anggaran (proksi).** Ruangan ulasan penemuramah berada di muka surat terakhir borang soal selidik.

12) Kumpulan Etnik Responden

Kemukakan pertanyaan kepada responden mengenai kumpulan etnik. Catatkan jawapan pada ruangan yang disediakan untuk butiran ini. **Jangan membuat sebarang andaian.**

13) Alamat Tempat Kediaman

Alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat tempat kediaman yang ditemu ramah.

Di kawasan bandar, alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat surat-menyurat. Bagi kawasan luar bandar, alamat surat-menyurat biasanya menggunakan alamat rumah penghulu atau kedai di kampung tersebut. Dengan demikian, bagi kawasan luar bandar ‘Alamat Tempat Kediaman’ hendaklah merujuk kepada tempat kediaman tersebut.

Anda hendaklah menulis alamat penuh termasuk nama penuh jalan atau sesuatu lokaliti. **Jangan menggunakan huruf-huruf singkatan untuk alamat** kecuali singkatan yang biasa digunakan seperti Tmn. (Taman), Kg. (Kampung), Sg. (Sungai), Bkt. (Bukit), Bt. (Batu), JIn. (Jalan), Lrg. (Lorong) dan lain-lain.

Bagi alamat unit sampel yang telah disalin daripada rekod penyenaraian, buat pindaan pada Butiran 13 jika alamat tersebut tidak lengkap. Jika terdapat sebarang perubahan pada alamat yang diberi, anda hendaklah menulis alamat baru dan nyatakan pada ruangan 'Ulasan Penemuramah'. Pastikan no. telefon responden juga diperoleh untuk tujuan semakan dan pengesahan data yang dipungut. Sekiranya kediaman responden sedang diubah suai manakala responden tinggal di rumah sementara, alamat yang perlu ditulis ialah alamat TK yang biasa didiami responden.

ALAMAT LENGKAP:

a) Nombor Rumah/ Unit/ Lot
b) Nombor Tingkat
c) Nombor Blok
d) Bangunan/ Pangsapuri/ Kondominium
e) Jalan/ Batu/ Lorong/ Parit
f) Taman/ Kampung/ Desa/ Presint
g) Bandar
h) Poskod

14) No. Telefon

Nombor telefon merujuk kepada nombor telefon individu yang telah ditemu ramah sama ada nombor telefon rumah/ bimbit/ pejabat. Keutamaan diberikan kepada nombor telefon KIR atau orang yang bertanggungjawab dalam IR berkenaan.

15) E-mel

Alamat e-mel adalah merujuk kepada alamat e-mel Ketua Isi Rumah. Jika tiada, dapatkan alamat e-mel Ahli Isi Rumah yang lain.

16) Tarikh dan Masa Temu Ramah

Bil. Lawatan

Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemu ramah Isi Rumah dan kontak telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji.

Jika anda tidak dapat menghabiskan sesuatu temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya, maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapkan sebelum tempoh survei berakhir. Bagi lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan **Ulasan Penemuramah**.

Lawatan Pertama / Lawatan Kedua (Tarikh; Masa: Dari, Hingga, Jumlah (Minit); Hasil Lawatan; Nama Penemuramah; Bahasa Temu Ramah)

Catatkan tarikh lengkap (hari, bulan dan tahun) temu ramah dijalankan pada ruangan yang disediakan mengikut bilangan lawatan yang dilakukan.

Ruangan telah disediakan bagi merekodkan dua lawatan bagi satu Isi Rumah dalam tempoh survei selagi unit TK berada dalam sampel. Jika temu ramah telah dibuat, catatkan masa temu ramah dimulakan dan temu ramah ditamatkan serta kirakan jumlah masa (minit) temu ramah tersebut.

Catatkan nama anda pada ruangan nama penemu ramah dan catatkan bahasa yang digunakan semasa menjalankan temu ramah.

17) Sebab-sebab TIDAK Ditemuramah

Jika anda gagal membuat temu ramah setelah beberapa kali mencuba, isikan butiran ini.

Untuk kes-kes di mana temu ramah tidak dapat dijalankan, ulasan hendaklah dibuat dalam borang **Ulasan Penemuramah**.

Sebab-sebab utama tiada sambutan adalah seperti berikut:

a) Tiada sesiapa di rumah (TSD)

Tempat Kediaman hendaklah dilaporkan sebagai 'Tiada sesiapa di rumah' atau TSD jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

i. Semua penghuni tiada di TK buat sementara waktu kerana urusan pekerjaan, bercuti, menjaga saudara-mara yang sakit atau sebab-sebab lain;
ii. Barang-barang kepunyaan penghuni seperti perabot dan perkakas rumah terdapat di TK berkenaan sebagai bukti rumah tersebut masih dihuni. Tentukan yang perabot-perabot tersebut adalah milik penghuni oleh sebab ia mungkin adalah unit rumah yang akan disewakan; atau
iii. Unit tersebut bukan untuk disewa atau dijual dalam tempoh ditinggalkan.

Jika penghuni dijangka akan pulang sebelum berakhirnya tempoh survei ini, tinggalkan surat lawatan semula dan buat lawatan semula. Jika penghuni tersebut dijangka tidak akan kembali sebelum berakhirnya tempoh survei, nyatakan pada soal selidik sebagai Tiada sesiapa di rumah di ruang yang disediakan.

b) Enggan bekerjasama

Responden mungkin enggan memberi sebarang maklumat semasa temu ramah pertama atau mereka hanya menyatakan tiada sebarang perubahan mengenai maklumat yang diberi jika beliau telah ditemu ramah sebelumnya. Laporkan Enggan bekerjasama sebagai sebab di ruang yang disediakan. Jelaskan kepada responden kedudukan sebenar survei dan minta responden bekerjasama untuk temu ramah yang lain.

Bagi kes TK ulangan, TK tersebut masih perlu dilawati atau dihubungi dan responden perlu ditemu ramah bagi mengesahkan maklumat Ahli Isi Rumah. Sekiranya responden masih enggan memberikan kerjasama selepas dua kali lawatan, kes ini dikategorikan sebagai Enggan bekerjasama.

Bagi kes Ahli Isi Rumah yang berada di dalam rumah semasa pegawai kerja luar membuat lawatan, namun enggan keluar dari rumah untuk

memberi maklum balas, kategori respon yang perlu diletakkan ialah Enggan bekerjasama walaupun tidak dapat bersemuka dengan responden, ini berdasarkan pemerhatian penemuramah.

c) Unit kosong

Sebuah unit dianggap kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada hari temu ramah dijalankan. Iaitu, tiada seorang pun individu yang tinggal di tempat kediaman terpilih pada masa temu ramah dijalankan.

Walau bagaimanapun, jika penghuni unit tersebut tiada di TK buat sementara waktu, unit tersebut adalah dianggap didiami. Dapatkan kepastian daripada jiran sekiranya tempat kediaman tersebut didapati kosong.

Kategori Kosong adalah termasuk unit-unit rumah yang kosong seperti sebuah rumah, apartmen atau rumah pangsa untuk disewa atau dijual.

d) Telah roboh

Laporkan Telah roboh pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang telah runtuh, dimusnahkan atau yang sedang diruntuhkan. Kategori ini termasuk unit TK yang musnah terlibat dalam kebakaran/ banjir dan lain-lain.

e) Bukan Tempat Kediaman atau Tempat Kediaman Institusi (TKI)

Laporkan Bukan Tempat Kediaman atau Tempat Kediaman Institusi pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang digunakan secara tetap sebagai tempat perdagangan, perniagaan atau menyimpan barang.

f) Rumah sedang dalam pembinaan

Laporkan Rumah sedang dalam pembinaan bagi unit-unit yang masih dalam proses pembinaan.

g) Rumah usang

Laporkan Rumah usang untuk unit yang berkeadaan tidak boleh diperbaiki dan tidak sesuai untuk didiami.

h) Tiada sambutan/ Lain-lain (nyatakan)

Untuk unit-unit yang tidak dapat dikelaskan dalam mana-mana kategori di atas, hendaklah dimasukkan sebagai Tiada sambutan lain-lain dan

tanyakan sebabnya. Contoh bagi kes ini adalah seperti kesalahan penyenaraian atau terletak di luar sempadan penyenaraian.

i) Lain-lain (didiami)

Untuk tempat kediaman terpilih yang didiami tetapi temu ramah tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kematian ahli keluarga, Isi Rumah diasingkan (kuarantin), responden yang boleh dipercayai tidak dapat ditemui selepas beberapa lawatan dibuat (contoh: responden kanak-kanak), jalan tidak boleh dilalui (contoh: banjir) dan sebagainya.

j) Tidak layak

Sesuatu Isi Rumah dilaporkan sebagai Tidak layak jika penghuninya bukan ahli biasa di TK terpilih. TK terpilih bukan satu unit kosong yang didiami sekali-sekala sahaja seperti rumah yang digunakan semasa percutian/ persinggahan. Kategori ini termasuk unit TK yang tidak didiami oleh pemilik berkenaan tetapi dijadikan *homestay* atau rumah tamu.

Nama Pengekod

Nama individu yang menjalankan sesi temu ramah ini.

Tarikh

Catatkan tarikh temu ramah ini dijalankan.

5. MODUL SOALAN

5.1 MODUL A: BUTIR – BUTIR AHLI ISI RUMAH

Pada soal selidik Modul A, soalan yang diajukan adalah bagi merekodkan nama, butir-butir demografi dan taraf perkahwinan bagi setiap penghuni yang mendiami sesuatu tempat kediaman dan membentuk suatu isi rumah. Maklumat perkahwinan akan digunakan untuk menganggar peratusan perkahwinan sebelum berumur 15 tahun dan sebelum berumur 18 tahun.

A1: Bilangan Ahli Isi Rumah

Mulakan dengan 01 Ketua Isi Rumah (KIR), 02 dan seterusnya. No. Ahli adalah merujuk kepada Ahli Isi Rumah (AIR) yang berbeza.

A2: Nama

Tujuan soalan ini adalah untuk mendapatkan senarai nama penuh bagi semua ahli biasa sesebuah isi rumah. ‘Ahli biasa’ sesebuah isi rumah adalah mereka yang telah atau akan tinggal di TK berkenaan bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.

Nama-nama ahli isi rumah hendaklah direkodkan mengikut susunan berikut:

a) Ketua Isi Rumah (KIR);
b) Isteri/ Suami KIR;
c) Anak-anak KIR yang belum berkahwin;
d) Anak-anak KIR yang telah berkahwin;
e) Menantu Perempuan/ Lelaki KIR;
f) Cucu KIR;
g) Bapa/ Ibu KIR atau kepada isteri/ suami KIR;
h) Datuk/ Nenek KIR kepada isteri/ suami KIR;
i) Abang/ Kakak/ Adik KIR atau kepada isteri/ suami KIR;
j) Orang lain yang bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR;
k) Pembantu rumah; dan
l) Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR.

PERINGATAN

- Jika anda tidak pasti sama ada untuk menyenaraikan seseorang itu atau tidak, anda adalah dinasihatkan untuk menyenaraikannya tetapi catat butiran yang tepat supaya keputusan dapat dibuat di pejabat.
- Anda hendaklah berhati-hati supaya tiada sesiapa yang tertinggal dalam senarai untuk mengelakkan kurang penghitungan.

A3 : Jenis Pengenalan Diri

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mempunyai dokumen pengenalan diri. **Dokumen pengenalan diri** merupakan sejenis dokumen yang digunakan untuk memastikan identiti pembawanya.

a) Kod 1: MyKad

Pemegang MyKad adalah seseorang yang berstatus Warganegara Malaysia. Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.

b) Kod 2: MyKid

MyKid merupakan kad pengenalan untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun tanpa gambar dan cap jari.

c) Kod 3: MyPR

Pemegang kad MyPR merupakan pemastautin tetap berstatus Bukan Warganegara yang berkelayakan berdasarkan permit masuk daripada Jabatan Imigresen Malaysia. MyPR mempunyai cetakan data mengenai negara asal pemegang MyPR termasuk nombor permit pemastautin tetap di bahagian belakang.

d) Kod 4: MyKAS

Pemegang MyKAS merupakan seorang pemastatutin sementara bukan Warganegara Malaysia. Kad Pengenalan ini dikeluarkan kepada seseorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan dan tempoh sah laku adalah lima (5) tahun daripada tarikh kad dikeluarkan.

e) Kod 5: Pasport

Pasport adalah dokumen perjalanan sah yang telah dikeluarkan oleh sesebuah negara kepada warganegaranya untuk tujuan perjalanan ke negara yang dibenarkan.

f) Kod 6: Kad Pengenalan Polis/ Tentera

i. Kad Pengenalan Polis

Kuning	Biru
• Pangkat bawah • Tidak berkuasa keluarkan kompaun	• Pangkat inspektor atau ke atas • Berkuasa keluarkan kompaun

ii. Kad Pengenalan Tentera

g) Kod 7: Sijil Kelahiran

Sijil kelahiran Malaysia adalah dokumen rasmi yang mendaftarkan kelahiran seseorang di Malaysia. Ia mengandungi maklumat penting seperti nama individu yang dilahirkan, tarikh kelahiran, tempat kelahiran, maklumat ibu bapa, dan maklumat penting lain yang berkaitan dengan kelahiran tersebut.

h) Kod 8: Pengenalan lain

Individu yang didaftarkan melalui Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNCHR) yang memerlukan perlindungan Antarabangsa akan diberikan Kad UNCHR yang akan menyatakan bahawa pembawa kad atau dokumen tersebut berada di bawah perlindungan UNCHR.

i) Kod 9: Tiada pengenalan diri

Individu yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

A4 : No. Kad Pengenalan Diri

Butiran ini adalah merujuk kepada nombor kad pengenalan diri seperti MyKad/ MyKid/ MyPR/ MyKAS/ No. Pasport/ No. Tentera / No. Polis / Sijil Kelahiran/ Pengenalan lain/ Tiada pengenalan diri bagi setiap isi rumah. Catatkan nombor kad pengenalan diri bagi setiap ahli isi rumah. Bagi mengesahkan nombor kad pengenalan diri responden, seboleh-bolehnya **dapatkan persetujuan responden** untuk **melihat dokumen tersebut**. Jika maklumat tidak diperoleh, maklumkan untuk menghubungi kembali responden. Jangan lupa untuk mencatatkan nombor telefon/ e-mel responden supaya nombor kad pengenalan diri yang betul dapat dikutip.

A5 : Perhubungan dengan Ketua Isi Rumah

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui hubungan AIR dengan KIR. Masukkan kod seperti berikut. Contohnya, bagi nombor ahli 01 mestilah KIR.

- **Kod 01: Ketua Isi Rumah (KIR)** merujuk kepada ahli Isi Rumah **sama ada lelaki atau perempuan** yang biasa tinggal di tempat kediaman ini dan dirujuk sebagai ketua oleh ahli-ahli Isi Rumah yang lain. **Setiap IR mesti dan hanya boleh mempunyai seorang ketua**. Terdapat kes-kes di mana agak sukar untuk menentukan ketua seperti TK yang dihuni oleh penuntut-penuntut atau orang bujang yang membentuk sebuah IR. **Dalam kes seperti ini, orang yang sedang anda temu ramah boleh dianggap sebagai ketua.**

- **Kod 02: Isteri/ Suami KIR** merujuk kepada isteri atau suami kepada KIR.

- **Kod 03: Anak KIR yang belum berkahwin** merujuk kepada anak-anak KIR yang belum berkahwin atau anak suami/ isteri mengikut susunan umur bermula dengan yang sulung. Ini termasuk anak angkat yang masih belum berkahwin.

- **Kod 04: Anak KIR yang telah berkahwin** merujuk kepada anak-anak lelaki dan perempuan yang telah berkahwin (mengikut susunan umur) termasuk anak angkat yang telah berkahwin.

- **Kod 05: Menantu perempuan/ lelaki KIR** merujuk kepada menantu perempuan/ lelaki kepada KIR.

- **Kod 06: Cucu KIR** merujuk kepada cucu kepada KIR.

- **Kod 07: Bapa/ Ibu KIR atau kepada isteri/ suami KIR** merujuk kepada bapa/ ibu kepada KIR atau kepada isteri/ suami KIR.

- **Kod 08: Datuk/ Nenek KIR atau kepada isteri/ suami KIR** merujuk kepada datuk/ nenek kepada KIR atau kepada isteri/ suami KIR.

- **Kod 09: Abang/ Kakak/ Adik KIR atau kepada isteri/ suami KIR** merujuk Abang/ Kakak/ Adik KIR atau kepada isteri/suami KIR.

- **Kod 10: Orang lain yang bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR** merujuk kepada orang lain yang bersaudara dengan KIR atau kepada isteri/suami KIR.

- **Kod 11: Pembantu rumah** merujuk kepada pembantu rumah yang makan dan tinggal bersama IR sepanjang minggu walaupun mereka menghabiskan hujung minggu di tempat lain.

- **Kod 12: Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR** merujuk kepada orang lain yang menumpang dan orang lain yang tidak ada kaitan tali persaudaraan.

A6 : No. Ahli Isi Rumah

Ahli-ahli biasa adalah mereka yang biasanya tinggal atau **AHLI BIASA** di TK terpilih. Tempat kediaman biasa adalah tempat di mana seorang itu selalu tinggal, makan dan berkongsi perbelanjaan isi rumah secara bersama.

Orang yang menumpang atau bercadang menumpang selama tiga bulan atau lebih dan pembantu rumah yang makan dan tinggal di tempat kediaman terpilih juga dianggap sebagai ‘ahli biasa’ isi rumah tersebut.

Bagi **mereka yang bekerja**, tempat tinggal biasa adalah dalam lingkungan jarak perjalanan dari tempat kerjanya.

Bagaimanapun, terdapat kes-kes yang dikecualikan daripada peraturan ini seperti kes-kes nelayan, pemburu, jurujual, pemandu lori atau teksi dan pekerja

di pelantar minyak yang sentiasa berulang alik dari satu tempat ke satu tempat. Mereka ini dianggap sebagai ahli biasa isi rumah berkenaan walaupun tempat kerjanya tidak termasuk dalam jarak perjalanan tempat tinggal biasa.

Bagi **mereka yang tidak bekerja**, gunakan peraturan tiga bulan; iaitu jika mereka telah tinggal di tempat kediaman selama tiga bulan yang lepas sebelum tarikh temu ramah atau dijangkakan akan tinggal di situ dalam tempoh tiga bulan lagi, mereka memenuhi syarat sebagai ahli biasa (pendekatan *de jure*).

Bagi **pelajar yang tinggal di asrama**, gunakan peraturan tiga bulan. Jika pelajar ini balik ke TK terpilih sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan yang lalu, masukkannya sebagai ahli biasa. Sebaliknya, jika pelajar berkenaan tinggal di TK persendirian seperti menyewa rumah, jangan masukkan pelajar berkenaan sebagai ahli biasa di TK keluarganya.

Mereka yang TIDAK dianggap sebagai ahli biasa adalah:

a) **Pelawat-pelawat sementara** dan mereka yang tinggal buat sementara sahaja di TK terpilih kerana sedang mencari rumah lain;
b) **Penghuni institusi** seperti pesakit-pesakit di hospital dan **penuntut yang tinggal di asrama** dan tidak berada di TK terpilih bagi tempoh tiga bulan atau lebih tanpa balik ke TK terpilih walaupun sehari; dan
c) Ahli-ahli keluarga seperti anak-anak yang telah berkahwin dan balik serta tinggal di TK terpilih bagi tempoh satu hari atau lebih tidak dianggap sebagai **'ahli biasa'** selagi TK biasanya adalah di TK lain.

Contoh:

Jika seseorang itu bekerja di Kuantan dan tinggal di TK persendirian tetapi pada masa temu ramah dijalankan beliau berada di TK terpilih di Kuala Lumpur iaitu TK biasa kedua orang tuanya, maka dia tidak boleh diambil kira sebagai 'ahli biasa' TK yang terpilih ini (Kuala Lumpur) kerana tempat tinggal biasanya adalah Kuantan.

Cara menanyakan soalan:

Kemukakan soalan berikut bagi ahli yang disenaraikan dalam Ruangan 2

"*Adakah..... (Nama) ..... biasa tinggal di sini?*"
atau
"*Adakah..... (Nama) ..... ahli biasa di rumah ini?*"

Cara merekodkan nombor ahli isi rumah biasa:
Catatkan nombor ahli isi rumah pada Ruangan A6 bagi setiap ahli biasa. Nombor Ahli Isi Rumah adalah dua (2) digit dan hendaklah dicatatkan sebagai '01', '02', '03' dan seterusnya. Nombor ini hendaklah sama dengan bilangan nombor pada Ruangan A1.

PERINGATAN

Jangan isikan Ruangan A6 bagi mereka yang bukan ahli biasa. Jika anda tidak dapat memutuskan sama ada seseorang itu ahli biasa atau tidak, anda dinasihatkan supaya memasukkan namanya sebagai ahli biasa dan hendaklah memberikan keterangan yang lengkap mengenainya supaya penentuan dapat dibuat di pejabat.

Contoh-contoh masalah yang biasa ditemui

Kes (a) - Seorang kakitangan kerajaan yang bekerja dan tinggal di Kluang tetapi sedang menghadiri kursus selama enam bulan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Kuala Lumpur.

Jawapan - Gunakan peraturan tiga bulan untuk menentukan sama ada beliau boleh dikira sebagai 'ahli biasa' di Kluang atau sebaliknya. Sekiranya beliau balik ke Kluang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan yang lepas, beliau dianggap sebagai ahli biasa di Kluang dan bukan di Kuala Lumpur.

Kes (b) - Seorang askar yang tinggal di tempat kediaman persendirian di Kuala Lumpur tetapi sedang bertugas di sempadan atau di dalam hutan.

Jawapan - Gunakan peraturan tiga bulan untuk menentukan sama ada beliau boleh dianggap sebagai ahli biasa di Kuala Lumpur atau tidak. Sekiranya beliau telah pulang ke Kuala Lumpur paling kurang sekali dalam tempoh tiga bulan yang lepas, beliau adalah ahli biasa di Kuala Lumpur. Jika beliau tidak kembali dalam tempoh tiga bulan, maka beliau bukan ahli biasa di Kuala Lumpur.

A7 : Jantina

Jangan membuat andaian berdasarkan nama ahli tersebut.

Catatkan **'1' bagi lelaki** dan **'2' bagi perempuan**. Tuliskan kod jantina bagi setiap AIR yang disenaraikan.

A8 : Hari, Bulan dan Tahun Kelahiran

Tuliskan tarikh lahir yang lengkap iaitu **Hari**, **Bulan** dan **Tahun** di petak yang berkenaan.

Sekiranya AIR tidak dapat memberikan maklumat tarikh lahir dengan **lengkap**, dapatkan tahun kelahiran AIR.

Penentuan umur AIR adalah mengikut **hari temu ramah dan tarikh, bulan dan tahun kelahiran.**

A9 : Umur

Nota: Maklumat umur yang dikehendaki ialah umur dalam tahun genap (umur pada hari jadi yang terakhir) pada tarikh survei.

Catatkan umur tiga (3) digit pada kotak yang disediakan. Sekiranya umur 15 tahun catatkan "015" dan jika umur 101 tahun catatkan "101".

A10 : Kewarganegaraan

Tanyakan:

"Adakah anda warganegara Malaysia?"

• Jika 'Ya', catatkan dalam Ruangan A10 – 'Malaysia'.

• Jika 'Tidak', tanyakan soalan yang berikut:
"Apakah kewarganegaraan anda?"

Catatkan warganegara ahli berkenaan seperti yang ditanyakan.
Contoh: Jika responden adalah warganegara Indonesia, catatkan 'Indonesia' dalam ruangan yang berkenaan.

Jika mereka menjawab: “Saya tidak ada negara”, catatkan di dalam ruangan berkenaan sebagai **‘Tiada Negara’.**

Jika mereka menjawab: “Saya telah pun memohon untuk menjadi warganegara Malaysia”, catatkan **kewarganegaraan asal mereka.**

Jika responden kurang pasti, lihat kad pengenalannya. Jika responden memiliki kad pengenalan (lama) atau MyKad berwarna biru, maka ia adalah warganegara Malaysia. Jika kad pengenalannya bukan warna biru atau selain daripada kad pengenalan Malaysia, tanyakan: “Beliau berasal dari mana?”. Status bagi seseorang “Pemastautin Tetap (PR)” di Malaysia dianggap ‘Bukan warganegara’.

Cara merekodkan kewarganegaraan:

Kod 458: Merujuk kepada AIR yang merupakan warganegara Malaysia.

Bagi AIR yang bukan warganegara Malaysia, sila rujuk **Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan** dan tuliskan kod mengikut warganegara AIR tersebut.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah kewarganegaraan AIR yang bukan warganegara Malaysia.

Bagi AIR yang mempunyai **dua kewarganegaraan,** perlu tentukan satu negara sahaja berdasarkan pasport yang digunakan bagi memasuki Malaysia.

Bagi AIR yang sedang memohon kewarganegaraan, catatkan kewarganegaraan yang asal (jika masih sah).

A11 : Kumpulan Etnik

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kumpulan etnik AIR. Maksud kumpulan etnik ialah sekumpulan orang yang terikat bersama-sama oleh hubungan bahasa, adat resam, agama yang sama dan sebagainya.
Sila tuliskan kod dengan merujuk kepada senarai Kumpulan Etnik di **Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan.** Jangan membuat andaian berdasarkan nama, rupa atau sebagainya.

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) **yang berasal dari Semenanjung Malaysia**, kelaskan beliau dalam **Kod 1100 Melayu.**

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) **yang berasal dari Sabah**, kelaskan beliau dalam **kod 3998 Bumiputera Sabah Lain**.

Bagi AIR yang berasal dari ibu bapa atau keturunan campuran, galakkan AIR membuat satu pilihan berdasarkan bahasa, agama, adat resam yang dipegang atau kumpulan mana ibu bapa AIR menganggap mereka berasal. Sebagai cara terakhir, catatkan etnik bapa.

A12 : Taraf Perkahwinan

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui taraf perkahwinan pada tarikh survei bagi AIR.

Cara untuk merekodkan jawapan:

- **Kod 1: Tidak pernah berkahwin** merujuk kepada AIR yang melaporkan sebagai belum pernah berkahwin. Kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun dicatatkan sebagai Tidak pernah berkahwin tanpa perlu menanyakan soalan.

  Sekiranya AIR menjawab **Kod 1 Tidak pernah berkahwin**, terus ke **soalan A14.**

- **Kod 2: Berkahwin** merujuk kepada AIR yang masih berkahwin semasa temu ramah dijalankan. Istilah perkahwinan adalah termasuk perkahwinan mengikut undang-undang, secara adat atau peraturan agama.

  Kategori ini termasuk tinggal bersama iaitu satu keadaan di mana pasangan lelaki dan perempuan telah bersetuju untuk hidup bersama tanpa melalui proses perkahwinan mengikut agama dan undang-undang.

- **Kod 3: Balu/ Duda** merujuk kepada AIR yang kematian suami/ isteri dan belum berkahwin semula semasa temu ramah dijalankan.

- **Kod 4: Bercerai** merujuk kepada AIR yang perkahwinannya telah dimansuhkan mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan ATAU tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa/ tempoh yang lama dan tiada kemungkinan untuk bersatu semula.

- **Kod 5: Berpisah** merujuk kepada pasangan yang masih menjadi suami isteri tetapi tidak tinggal bersama. Berkemungkinan berpisah seketika dan akan rujuk kembali. Tidak termasuk dalam istilah ini bagi pasangan yang tinggal berjauhan atas tanggungjawab terhadap tugas atau sebab-sebab lain.

A13 : Umur pertama kali berkahwin

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui umur AIR pada perkahwinan pertama. Catatkan umur pada kotak yang disediakan.

A14 : Apakah tahap kesukaran untuk anda.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kesukaran yang dihadapi AIR ketika menjalankan aktiviti harian.

(a) Melihat walaupun menggunakan cermin mata?
(b) Mendengar walaupun menggunakan alat bantuan pendengaran?
(c) Berjalan atau menaiki tangga?
(d) Mengingat atau menumpukan perhatian?
(e) Menguruskan diri seperti membersihkan diri dan berpakaian?
(f) Berkomunikasi menggunakan bahasa seharian? (contoh: memahami atau difahami)

Tuliskan skor pada ruangan yang disediakan bagi setiap situasi yang disenaraikan. Skala skor adalah seperti berikut:

- **Skor 1**: Tiada kesukaran
- **Skor 2:** Sedikit kesukaran
- **Skor 3:** Banyak kesukaran
- **Skor 4:** Langsung tidak boleh

A15 : Adakah anda merupakan orang kurang upaya (OKU)?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU). Sekiranya AIR merupakan OKU, pengesahan dibuat sama ada AIR tersebut berdaftar dengan mana-mana agensi atau tidak.

Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

- **Kod 1: Ya, berdaftar** merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar.

- **Kod 2: Ya, tidak berdaftar** merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berdaftar.

- **Kod 3: Tidak** merujuk kepada AIR bukan Orang Kurang Upaya (OKU). Sekiranya AIR menjawab **Kod 3**, terus ke **Modul B.**

A16 : Apakah pendidikan khas yang diterima oleh anda selaku OKU?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis pendidikan khas yang diterima oleh AIR.

- **Kod 1: Program Pendidikan Khas Integrasi** merujuk kepada pendidikan kanak-kanak kurang upaya penglihatan di sekolah rendah dan menengah arus perdana yang terpilih mula diperkenalkan.
- **Kod 2: Sekolah Pendidikan Khas** merujuk kepada sekolah yang menyediakan pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan. Sekolah Pendidikan Khas ini dikendalikan terus oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas).

- **Kod 3: Program Pendidikan Inklusif** merujuk kepada suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

- **Kod 4: Program Pemulihan dalam Komuniti** merujuk kepada suatu program dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960an bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

- **Kod 5: Tiada** merujuk kepada AIR tidak menerima sebarang pendidikan khas.

5.2 MODUL B: PERKEMBANGAN AWAL KANAK - KANAK

Pada soal selidik Modul B, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai perkembangan awal kanak-kanak. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar peratusan kanak-kanak yang berada dalam tahap perkembangan yang sepatutnya bagi kesihatan, pembelajaran dan kesejahteraan psikososial.

HANYA DIJAWAB OLEH KETUA ISI RUMAH ATAU WAKIL KETUA ISI RUMAH BAGI MEWAKILI AHLI ISI RUMAH BERUMUR 24 HINGGA 59 BULAN ATAU 2 TAHUN HINGGA 4 TAHUN 11 BULAN (B1 - B20)

PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK

B1 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda berjalan di permukaan yang tidak rata, sebagai contoh, jalan yang bergelombang atau curam, tanpa jatuh?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu berjalan di permukaan yang tidak rata, sebagai contoh, jalan yang bergelombang atau curam, tanpa jatuh.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah berjalan di permukaan yang tidak rata, sebagai contoh, jalan yang bergelombang atau curam, tanpa jatuh.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah berjalan di permukaan yang tidak rata, sebagai contoh, jalan yang bergelombang atau curam, tanpa jatuh

B2 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda melompat dengan kedua-dua kaki meninggalkan tanah?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu melompat dengan kedua-dua kaki meninggalkan tanah.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah melompat dengan kedua-dua kaki meninggalkan tanah.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah melompat dengan kedua-dua kaki meninggalkan tanah.

B3 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda memakai pakaian dengan sendiri, iaitu memakai seluar dan baju, tanpa bantuan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu memakai pakaian dengan sendiri, iaitu, memakai seluar dan baju, tanpa bantuan.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah memakai pakaian dengan sendiri, iaitu, memakai seluar dan baju, tanpa bantuan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah memakai pakaian dengan sendiri, iaitu, memakai seluar dan baju, tanpa bantuan.

B4 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda memakai dan membuka butang tanpa bantuan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu memakai dan membuka butang tanpa bantuan.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah memakai dan membuka butang tanpa bantuan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah memakai dan membuka butang tanpa bantuan.

B5 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda menyebut 10 atau lebih patah perkataan, seperti 'mama' atau 'bola'?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu menyebut 10 atau lebih patah perkataan, seperti 'mama' atau 'bola'.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah menyebut 10 atau lebih patah perkataan, seperti 'mama' atau 'bola'.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah menyebut 10 atau lebih patah perkataan, seperti 'mama' atau 'bola'.

B6 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda bercakap menggunakan 3 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat, contohnya, “Saya mahu air” atau “Rumah itu besar”.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu bercakap menggunakan 3 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat, contohnya, "Saya mahu air" atau "Rumah itu besar".

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah bercakap menggunakan 3 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah bercakap menggunakan 3 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat.

B7 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda bercakap menggunakan 5 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat sebagai contoh, “Rumah itu kelihatan sangat besar”.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu bercakap menggunakan 5 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat sebagai contoh, "Rumah itu kelihatan sangat besar".

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah bercakap menggunakan 5 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah bercakap menggunakan 5 atau lebih patah perkataan dalam satu ayat.

B8 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda menggunakan kata ganti nama diri seperti perkataan 'Saya’, 'Awak' atau 'Dia' dengan betul? Sebagai contoh, “Saya mahu air” atau “Dia makan nasi”.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu kata ganti nama diri seperti perkataan 'Saya, 'Awak,' atau 'Dia' dengan betul, sebagai contoh, "Saya mahu air" atau "Dia makan nasi".

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah menggunakan mana-mana perkataan 'Saya, 'Awak,' atau 'Dia' dengan betul.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah menggunakan mana-mana perkataan 'Saya, 'Awak,' atau 'Dia' dengan betul.

B9 : Jika anda menunjukkan sesuatu objek kepada anak/ anak jagaan anda, adakah mereka dapat mengenali dan menamakan objek tersebut secara konsisten?

Nota: Secara konsisten bermaksud objek seperti cawan atau haiwan disebut dengan nama yang sama walaupun perkataan yang digunakan tidak tepat sepenuhnya. Contoh: Objek kucing disebut “Meow”.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu menamakan objek tersebut secara konsisten jika ditunjukkan. Secara konsisten bermaksud objek seperti cawan atau haiwan disebut dengan nama yang sama walaupun perkataan yang digunakan tidak tepat sepenuhnya. Contoh: Objek kucing disebut "Meow".

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah menamakan objek tersebut secara konsisten jika ditunjukkan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah menamakan objek tersebut secara konsisten jika ditunjukkan.

B10 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda mengenali sekurang-kurangnya 5 huruf abjad?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu mengenali sekurang-kurangnya 5 huruf abjad.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah mengenali sekurang-kurangnya 5 huruf abjad.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah mengenali sekurang-kurangnya 5 huruf abjad.

B11 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda menulis nama (beliau)?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu menulis namanya sendiri.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah menulis namanya sendiri.
- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mudah menulis namanya sendiri.

B12 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda mengenali semua nombor dari 1 hingga 5?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu mengenali semua nombor daripada 1 hingga 5.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mengenali semua nombor daripada 1 hingga 5.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak mengenali semua nombor daripada 1 hingga 5.

B13 : Jika anda meminta anak/ anak jagaan anda untuk memberi anda 3 objek, seperti 3 batu atau 3 kacang, adakah (dia) memberi anda jumlah yang betul?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu memberikan anda objek dengan jumlah yang diminta secara tepat. Contohnya, 3 objek, seperti 3 batu atau 3 kacang.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah memberikan anda objek dengan jumlah yang diminta secara tepat.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak dapat memberikan anda objek dengan jumlah yang diminta secara tepat.

B14 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda mengira 10 objek, contohnya 10 jari atau 10 blok, tanpa kesilapan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu mengira 10 objek, contohnya 10 jari atau 10 blok, tanpa kesilapan.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah mengira 10 objek, contohnya 10 jari atau 10 blok, tanpa kesilapan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak dapat mengira 10 objek, contohnya 10 jari atau 10 blok, tanpa kesilapan.

B15 : Bolehkah anak/ anak jagaan anda melakukan aktiviti, seperti mewarna atau bermain dengan blok binaan, tanpa berulang kali meminta bantuan atau menyerah terlalu cepat?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu melakukan aktiviti, seperti mewarna atau bermain dengan blok binaan, tanpa berulang kali meminta bantuan atau menyerah terlalu cepat.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah melakukan aktiviti, seperti mewarna atau bermain dengan blok binaan, tanpa berulang kali meminta bantuan atau menyerah terlalu cepat.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak dapat melakukan aktiviti, seperti mewarna atau bermain dengan blok binaan, tanpa berulang kali meminta bantuan atau menyerah terlalu cepat.

B16 : Adakah anak/ anak jagaan anda bertanya tentang orang yang biasa dikenali selain ibu bapa/ penjaga utama apabila mereka tidak berada bersama, sebagai contoh, “Di mana nenek?”

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR bertanya tentang orang yang biasa dikenali selain ibu bapa apabila mereka tidak berada bersama, sebagai contoh, "Di mana nenek?”.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR bertanya tentang orang yang biasa dikenali selain ibu bapa apabila mereka tidak berada bersama.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak bertanya tentang orang yang biasa dikenali selain ibu bapa apabila mereka tidak berada bersama.

B17 : Adakah anak/ anak jagaan anda menawarkan untuk membantu seseorang yang memerlukan bantuan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR menawarkan untuk membantu seseorang yang memerlukan bantuan.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR menawarkan untuk membantu seseorang yang memerlukan bantuan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak menawarkan untuk membantu seseorang yang memerlukan bantuan.

B18 : Adakah anak/ anak jagaan anda bergaul baik dengan kanak-kanak lain?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu bergaul baik dengan kanak-kanak lain.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR mudah bergaul baik dengan kanak-kanak lain.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak bergaul baik dengan kanak-kanak lain.

B19 : Berapa kerap anak/ anak jagaan anda kelihatan sangat sedih atau tertekan? (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kekerapan AIR kelihatan sangat sedih atau tertekan.

- **Kod 1:** Setiap Hari

- **Kod 2:** Setiap Minggu

- **Kod 3:** Setiap Bulan

- **Kod 4:** Beberapa kali setahun

- **Kod 5:** Tidak pernah

B20 : Jika dibandingkan dengan kanak-kanak pada usia yang sama, berapa kerap anak/ anak jagaan anda menendang, menggigit, atau memukul kanak-kanak atau orang dewasa lain? (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kekerapan AIR menendang, menggigit, atau memukul kanak-kanak atau orang dewasa lain.

- **Kod 1:** Tidak sama sekali
- **Kod 2:** Sama atau kuran
- **Kod 3:** Lebih
- **Kod 4:** Banyak lagi

5.3 MODUL C: PENDIDIKAN

Pada soal selidik Modul C, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti pendidikan formal dan pendidikan bukan formal Ahli Isi Rumah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar:

a) Kadar penyertaan dalam pendidikan dan latihan formal serta bukan formal;
b) Peratusan tahap kecekapan tetap dalam kemahiran literasi dan numerasi;
c) Bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam *homeschooling;* dan
d) Kadar keciciran pelajar.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 3 TAHUN DAN LEBIH (C1 – C4)

LITERASI DAN NUMERASI

C1 : Adakah anda berkebolehan untuk membaca, menulis atau mengira dalam mana-mana bahasa atau dialek? (Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu untuk membaca, menulis atau mengira.

AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

- **Kod 1: Membaca** merujuk kepada seseorang yang mempunyai kebolehan membaca atau memahami perkataan, maklumat yang tersurat dan tersirat, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar dan betul serta mampu untuk menyampaikan sesuatu maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.

- **Kod 2: Menulis** merujuk kepada seseorang yang mempunyai kebolehan membina dan menulis ayat dengan penggunaan perkataan, sistem bahasa dan frasa yang betul dalam menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.

- **Kod 3: Mengira** merujuk kepada seseorang yang mempunyai kebolehan memahami dan mengaplikasi konsep dan kemahiran matematik dalam pelbagai konteks termasuk menjalani kehidupan seharian.

- **Kod 4: Tidak boleh membaca/ menulis/ mengira** merujuk kepada AIR yang tidak boleh membaca, menulis atau mengira. Sekiranya AIR menjawab **Kod 4** terus ke **soalan C3**.

C2 : Adakah anda berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam bahasa berikut? (Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam bahasa berikut.

AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

- **Kod 1: Bahasa Melayu (Rumi)** merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Melayu (Rumi).

- **Kod 2**: **Bahasa Melayu (Jawi)** merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Melayu (Jawi).

- **Kod 3: Bahasa Inggeris** merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Inggeris.

- **Kod 4: Bahasa Mandarin** merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Mandarin.

- **Kod 5: Bahasa Tamil** merujuk kepada AIR yang berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Tamil.

- **Kod 6: Bahasa Arab** merujuk kepada AIR yang berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Arab.

- **Kod 7: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada AIR yang berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam lain-lain bahasa selain pilihan di atas. Sila nyatakan di ruangan yang disediakan.

TAHAP PENDIDIKAN

C3: Pernahkah anda mendapat pendidikan Tadika/ Pra Sekolah/ Sekolah Rendah/ Menengah/ Maktab/ Politeknik/ Kolej/ Universiti?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mendapat pendidikan tadika/ pra sekolah/ sekolah rendah/ menengah/ maktab/ politeknik/ kolej/ universiti.

- **Kod 1: Ya, masih belajar (sepenuh masa)** merujuk kepada AIR yang masih menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan rasmi secara sepenuh masa.

- **Kod 2: Ya, masih belajar (sambilan)** merujuk kepada AIR yang masih menghadiri secara sambilan/ separuh masa di mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan rasmi seperti program jarak jauh, *online*, eksekutif dan sebagainya.

- **Kod 3: Ya, telah tamat pelajaran** merujuk kepada AIR yang telah tamat pelajaran di sekolah rendah/ menengah/ maktab/ politeknik/ kolej/ universiti. Sekiranya AIR menjawab **Kod 3** terus ke **soalan C13**.

- **Kod 4: Tidak pernah bersekolah** merujuk kepada AIR yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberikan pendidikan secara rasmi. Sekiranya AIR menjawab **Kod 4** terus ke **soalan C12**.

- **Kod 5: Ya, namun tidak tamat pendidikan rendah (pendidikan sehingga umur 12 tahun)** merujuk kepada AIR yang pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan sekolah rendah namun tidak menamatkan pembelajaran. Sekiranya AIR menjawab **Kod 5** terus ke **soalan C12**.

- **Kod 6: Ya, namun tidak tamat pendidikan menengah rendah (pendidikan sehingga umur 15 tahun)** merujuk kepada AIR yang pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan sekolah menengah rendah namun tidak menamatkan pembelajaran. Sekiranya AIR menjawab **Kod 6** terus ke **soalan C12**.

- **Kod 7: Ya, namun tidak tamat pendidikan menengah atas (pendidikan sehingga umur 18 tahun)** merujuk kepada AIR yang pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan sekolah menengah atas namun tidak menamatkan pembelajaran. Sekiranya AIR menjawab **Kod 7** terus ke **soalan C12**.

- **Kod 8: Ya, namun tidak tamat pendidikan tertiari (Sijil, Diploma atau Ijazah)** merujuk kepada AIR yang pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan tertiari sama ada di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah namun tidak menamatkan pembelajaran. Sekiranya AIR menjawab **Kod 8** terus ke **soalan C12**.

- **Kod 9: Umur muda, belum bersekolah** merujuk kepada AIR yang masih muda dan belum memulakan persekolahan. Sekiranya AIR memilih **Kod 9**, **modul ini tamat di sini.**

C4: Apakah jenis sekolah/ institusi pendidikan anda?

Tujuan soalan ini diajukan untuk mengetahui jenis sekolah/ institusi pendidikan bagi AIR. Soalan ini dijawab sekiranya pilihan jawapan bagi **soalan di C3** adalah **1 atau 2.**

- **Kod 1: Kerajaan Persekutuan** merujuk kepada sekolah atau institusi pendidikan yan ditubuhkan dan diselenggarakan sepenuhnya oleh Menteri di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan.

  Nota: Termasuk Taska/ Tabika KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kementerian Pembangunan Luar Bandar) dan Tadika di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

- **Kod 2: Kerajaan Negeri** merujuk kepada sekolah/ institusi yang dibina untuk pendidikan oleh pusat pentadbiran sesebuah negeri.

  Nota: Termasuk Tadika di bawah Jabatan Agama Islam Negeri.

- **Kod 3: Swasta (berdaftar dengan KPM/ KPT)** merujuk kepada sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan berdaftar dengan KPM/ KPT.

  Nota: Termasuk Tadika/ Tabika swasta.

- **Kod 4: Swasta (berdaftar dengan agensi selain KPM/ KPT)** merujuk kepada pendidikan yang disediakan kepada pelajar oleh institusi pendidikan swasta tetapi berdaftar di bawah agensi selain KPM/ KPT.

- **Kod 5: *Homeschooling* (berdaftar dengan KPM/ KPT)** - **Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah** merujuk kepada satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukan dan berdaftar dengan KPM/ KPT.

- **Kod 6: *Homeschooling* (tidak berdaftar dengan KPM/ KPT) – Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah** merujuk kepada satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukan dan tidak berdaftar dengan KPM/ KPT.

- **Kod 7: Pengajian agama (Contoh: Sekolah pondok/ tahfiz/ madrasah/ Sekolah Agama Negeri/ Sekolah Agama Rakyat/ Sekolah Agama Swasta)** merujuk kepada satu kaedah persekolahan yang menitikberatkan pengajian Islam. Sila nyatakan nama sekolah/ institusi tersebut.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 18 TAHUN DAN KE BAWAH YANG MENGIKUTI KAEDAH *HOMESCHOOLING* (C5 - C10)

HOMESCHOOLING

C5 : Adakah anda terlibat dengan *homeschooling*?

Homeschooling merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukannya seperti mempunyai masalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh ibu bapa/ pihak penjaga. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR tersebut terlibat dengan *homeschooling* atau tidak.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR terlibat dengan *homeschooling.*

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak terlibat dengan *homeschooling.*

Sekiranya AIR menjawab **Kod 2, terus ke soalan C11.**

C6 : Apakah kaedah yang digunakan untuk *homeschooling*?
(Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenalpasti kaedah yang digunakan AIR untuk *homeschooling.*

AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

- **Kod 1: Dilaksanakan oleh ibu bapa/ penjaga** merujuk kepada penjaga AIR mestilah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan dan salah seorang ibu bapa mesti menjadi pengajar sepenuh masa.

- **Kod 2: Dilaksanakan oleh guru di rumah** merujuk kepada ibu bapa/ penjaga AIR mengupah tenaga pengajar untuk datang ke rumah bagi mengajar AIR.

- **Kod 3: Dilaksanakan oleh guru di pusat tuisyen** merujuk kepada AIR menjalani *homeschooling* di pusat tuisyen.

- **Kod 4: Melalui guru secara dalam talian** merujuk kepada AIR menjalani *homeschooling* bersama guru secara dalam talian.

- **Kod 5: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada AIR menggunakan kaedah lain untuk *homeschooling* selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

C7 : Apakah jenis kurikulum yang diikuti bagi *homeschooling*?
(Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis kurikulum yang diikuti bagi *homeschooling.*

- **Kod 1: Kurikulum kebangsaan** merujuk kepada suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Semua *homeschooling* yang berdaftar dengan KPM mestilah menggunakan kurikulum kebangsaan.

- **Kod 2: Kurikulum selain kurikulum kebangsaan** merujuk kepada jenis kurikulum yang diikuti semasa *homeschooling* selain daripada kurikulum kebangsaan. Contohnya, kurikulum agama. Sekiranya AIR mengikuti sebahagian kurikulum kebangsaan dan sebahagian kurikulum selain kurikulum kebangsaan, AIR boleh memilih **Kod 2 Kurikulum selain kurikulum kebangsaan.**

- **Kod 3: Tiada sebarang kurikulum khusus** merujuk kepada AIR tidak mengikuti apa-apa kurikulum bagi *homeschooling*.

C8 : Berapa hari dalam seminggu kanak-kanak ini menjalani *homeschooling*?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan hari dalam seminggu AIR menjalani *homeschooling.*

Tuliskan **bilangan hari dalam seminggu** AIR menjalani *homeschooling* dalam petak yang berkenaan (2 digit).

Contohnya, Jika menjalani *homeschooling* selama 5 hari seminggu iaitu dari Isnin hingga Jumaat, pengekodan adalah 05, dikodkan

0	5

Hari dalam seminggu

C9 : Berapakah jumlah jam dalam sehari kanak-kanak ini menjalani *homeschooling*?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan jam dalam seminggu AIR menjalani *homeschooling.*

Tuliskan **bilangan jam dalam sehari** AIR menjalani *homeschooling* dalam petak yang disediakan (2 digit).

Contohnya, Jika menjalani *homeschooling* lapan 8 jam sehari, pengekodan adalah 08 jam, dikodkan

0	8

Jam dalam sehari

C10 : Apakah sebab kanak-kanak ini mengikuti *homeschooling*?
(Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui alasan kanak-kanak ini bersekolah di rumah. Sila tandakan jawapan pada ruangan yang disediakan.

- **Kod 1:** Kanak-kanak ini mengalami masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh ibu bapa/ penjaga untuk mendapat pendidikan formal di rumah.

- **Kod 2:** Kanak-kanak ini mempunyai penyakit sementara yang menghalangnya pergi ke sekolah.

- **Kod 3:** Anda prihatin dengan persekitaran sekolah, seperti keselamatan, ubat-ubatan, atau tekanan rakan sebaya yang negatif.

- **Kod 4:** Anda tidak berpuas hati dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

- **Kod 5:** Anda lebih suka mengajar anak di rumah supaya anda dapat memberikan pendidikan agama.

- **Kod 6:** Anda lebih suka mengajar anak di rumah supaya anda dapat memberikan pendidikan moral.

- **Kod 7:** Kanak-kanak ini mempunyai keperluan khas lain yang anda rasa sekolah tidak dapat penuhi.

- **Kod 8:** Anda mempunyai alasan lain untuk kanak-kanak ini bersekolah di rumah? Sila nyatakan:

Bagi pilihan jawapan 1 hingga 7**, tandakan (X)** pada **Ya** jika jawapan berikut merupakan sebab kanak-kanak ini mengikuti *homeschooling*. Sekiranya mempunyai sebab selain di atas, sila nyatakan alasan di ruang yang disediakan.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 3 TAHUN DAN LEBH (C11 - C16)

LAIN - LAIN PERINCIAN PENDIDIKAN

C11: Jika anda bersekolah/ sedang mendapatkan pendidikan, apakah mod utama perjalanan anda ke tempat pengajian? (Tandakan satu sahaja).

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui mod utama perjalanan AIR ke tempat pengajian sekiranya masih bersekolah/ sedang mendapatkan pendidikan.

- **Kod 1: Berjalan kaki, ada akses** kepada pengangkutan merujuk kepada AIR yang berjalan kaki ke tempat pengajian tetapi mempunyai akses kepada pengangkutan.

- **Kod 2: Berjalan kaki, tiada akses** kepada pengangkutan merujuk kepada AIR yang berjalan kaki ke tempat pengajian tetapi tidak mempunyai akses kepada pengangkutan.

- **Kod 3: Keretapi (Komuter/ LRT/ MRT/ Monorel dan ERL)** merujuk kepada AIR yang menggunakan keretapi seperti Komuter/ LRT/ MRT/ Monorel dan ERL ke tempat pengajian.

- **Kod 4: Bas/ Van awam** merujuk kepada AIR yang menggunakan van atau bas awam ke tempat pengajian.

- **Kod 5: Bas / Van sekolah** merujuk kepada AIR yang menggunakan van atau bas sekolah ke tempat pengajian.

- **Kod 6: Feri/ Bot/ Rakit/ Sampan** merujuk kepada AIR yang menggunakan feri/ bot/ rakit/ sampan ke tempat pengajian.

- **Kod 7: Teksi/ Kereta sewa** merujuk kepada AIR yang menggunakan teksi/ kereta sewa ke tempat pengajian.

- **Kod 8: Basikal/ Beca** merujuk kepada AIR yang menggunakan basikal, termasuk semua jenis basikal atau beca, termasuk semua jenis beca ke tempat pengajian.

- **Kod 9: E-hailing** merujuk kepada AIR yang menggunakan E-hailing seperti *Grab, MyCar, InDrive* atau *Uber* ke tempat pengajian.

- **Kod 10: Kenderaan bermotor persendirian (Kereta)** merujuk kepada AIR yang menggunakan kenderaan bermotor persendirian (kereta) ke tempat pengajian.

- **Kod 11: Kenderaan bermotor persendirian (Motorsikal)** merujuk kepada AIR yang menggunakan kenderaan bermotor persendirian (motorsikal) ke tempat pengajian.

- **Kod 12: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada AIR yang menggunakan mod perjalanan lain ke tempat pengajian. Sila nyatakan jawapan di ruangan yang disediakan. Contohnya, skuter elektrik.

Sekiranya salah satu kod antara **Kod 1** sehingga **Kod 12** dipilih, terus ke soalan **C13**.

C12 : Jika anda tidak bersekolah/ tidak menamatkan pendidikan, nyatakan 3 sebab utama berdasarkan pilihan berikut.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui tiga sebab utama AIR tidak bersekolah atau tidak menamatkan pendidikan.

- **Kod 1:** Sekolah sangat jauh

- **Kod 2:** Tiada sekolah di dalam mukim/ kampung

- **Kod 3:** Tiada pengangkutan harian

- **Kod 4:** Kos pendidikan yang tinggi

- **Kod 5:** Penyakit

- **Kod 6:** Kurang upaya

- **Kod 7:** Mengemas rumah/ menguruskan aktiviti pertanian/ perniagaan keluarga

- **Kod 8:** Berkahwin/ menjaga anak

- **Kod 9:** Bekerja/ mencari pekerjaan

- **Kod 10:** Kurang minat untuk bersekolah

- **Kod 11:** Tidak dapat mengikuti pembelajaran di sekolah/ gagal dalam pembelajaran

- **Kod 12:** Masalah dengan rekod sekolah

- **Kod 13:** Masalah dengan Sijil Kelahiran

- **Kod 14:** Pendapatan keluarga tidak mencukupi untuk hantar anak ke sekolah

- **Kod 15:** Tekanan rakan sebaya

- **Kod 16:** Buli

- **Kod 17:** Ketagihan kepada permainan komputer

- **Kod 18:** Dibuang/ Digantung

- **Kod 19:** Lain-lain (Nyatakan)

Sekiranya AIR mempunyai sebab lain selain di atas, sila nyatakan sebab di ruangan yang disediakan.

Tandakan (X) pada **tiga** pilihan di atas yang merupakan sebab-sebab utama AIR tidak bersekolah atau tidak menamatkan pendidikan.

C13 : Apakah peringkat pendidikan tertinggi anda atau tahap pendidikan semasa (jika masih dalam pengajian)?

Nota: Sila isikan kod berdasarkan Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan.
Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai atau masih menuntut. Peringkat tertinggi yang dicapai merujuk kepada tahap pendidikan tertinggi yang diperoleh sehingga tarikh survei.

Sekiranya AIR belajar di luar Malaysia, dapatkan persamaan taraf pendidikan dengan sistem pendidikan di Malaysia sekarang. Jika taraf pendidikannya tidak dapat disamakan dengan pendidikan Malaysia, bilangan tahun seseorang itu belajar di luar negara akan diambil kira. Contohnya, jika AIR telah belajar selama 10 tahun di luar Malaysia, persamaan peringkat persekolahan (bermula dengan 6 tahun) ialah Tingkatan 4.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat pendidikan tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap peringkat pendidikan tertinggi boleh dirujuk pada **Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan.**

Kod 001 dan 002 – Pendidikan awal kanak – kanak dan Pra Sekolah
(umur pelajar: 0 – 6 tahun)

- Merupakan program pendidikan awal terancang yang direka untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada persekitaran sekolah.
- Peringkat yang pertama ialah Pusat Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun. Peringkat kedua pula ialah Pra-sekolah atau TADIKA untuk kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun.
- **Kod 001 "Pendidikan awal bagi kanak-kanak berumur"** di bawah 4 tahun yang diasuh atau dididik bertujuan memberi sokongan kepada ibu bapa yang bekerja khususnya bagi mengekalkan sumber tenaga wanita dalam pekerjaan.
- **Kod 002 "Pendidikan pra-sekolah TERMASUK"** di bawah takrif pendidikan rasmi/ formal. Ianya dikodkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat penduduk yang telah/ sedang mengikuti pendidikan pra-sekolah. Ini kerana mereka yang menduduki pra-sekolah telah mendapat pendedahan kepada persekitaran sekolah dan pengetahuan asas berbanding mereka yang tidak pernah bersekolah. **Oleh itu, soalan C3**

(Pendidikan) dikodkan sebagai '1' manakala soalan C14 (Sijil Tertinggi Diperoleh) dikodkan '020'.

- Pendidikan pra-sekolah mesti dijalankan di premis sekolah atau pusat untuk memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dan staf yang mempunyai kelayakan untuk mengajar kanak-kanak peringkat umur muda.
- Tiada kelayakan masuk.
- Setelah tamat program pra-sekolah, murid-murid akan menyambung pendidikan di peringkat rendah.

Kod 101 hingga 106 - Pendidikan rendah (Tahun 1 - 6)
(umur pelajar: 6 – 12 tahun); (pengajian terkumpul: 1 – 6 tahun)

- Direkabentuk untuk menyediakan pendidikan umum bertujuan melengkapkan murid-murid dengan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) serta mewujudkan individu yang seimbang.
- Murid-murid akan mengambil ujian penilaian di peringkat akhir pendidikan rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah rendah.
- Tempoh pengajian enam tahun tetapi boleh tamat diikuti dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.
- Kelayakan masuk mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan atau sekolah rendah berkenaan.
- Permulaan aktiviti pembacaan sahaja bukan kriteria untuk klasifikasi program pendidikan ini.

Kod 201 hingga 204 - Pendidikan menengah rendah
(Peralihan - Tingkatan 3)
(umur pelajar: 12 – 15 tahun); (pengajian terkumpul: 7 – 10 tahun)

- Meneruskan program pendidikan asas yang dijalankan di peringkat rendah.
- Disediakan dengan memberi lebih masa kepada murid-murid untuk menguasai dan melengkapkan diri dengan pendidikan umum yang bersepadu.
- Mesti mengikut masa di mana ianya dirancang berorientasikan subjek menggunakan guru yang berkelayakan khusus untuk bidang/subjek yang diajar.
- Tempoh pengajian selama 3/ 4 tahun.

- Turut menyediakan program peralihan bagi pelajar aliran bahasa Cina dan Tamil untuk menguasai Bahasa Malaysia sebelum meneruskan pengajian ke Tingkatan 1 iaitu ‘Kelas Peralihan’.
- Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian di peringkat akhir pendidikan menengah rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah atas.

Pendidikan menengah atas (Tingkatan 4 - 5)

a) Kod 205 dan 206 – Tingkatan 4 dan 5
(umur pelajar: 15-17 tahun); (pengajian terkumpul: 10-12 tahun)

- Merupakan kesinambungan program menengah rendah.
- Tempoh pengajian selama 2 tahun.
- Selain menerima pendidikan umum, pelajar juga diberi pilihan untuk menjurus dalam aliran sastera, sains, vokasional, teknikal atau agama.
- Pendidikan vokasional adalah seperti dalam bidang pertukangan, pertanian, sains rumah tangga dan perdagangan. Kursus vokasional yang diberi adalah mengikut peluang-peluang pekerjaan di Malaysia. Bermula tahun 1997, sekolah vokasional telah dinaik taraf sebagai sekolah teknik.
- Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian (SPM/ SPMV/ SMA/ SMU/ GCE ‘O’ Level atau yang setaraf) di peringkat akhir pendidikan menengah atas sebelum menyambung pengajian peringkat tertiari atau memilih memasuki pasaran buruh.
- Terdapat juga pelajar sekolah vokasional/ teknik yang hanya menduduki peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia.

b) Kod 207 – Program kemahiran asas
(umur pelajar antara 15-40 tahun)

- Syarat minimum kemasukan ke program ini adalah boleh membaca, menulis dan mengira.
- Merupakan program berbentuk modular, praktikal (*hands-on*) dan *employable skills* mengikut keperluan semasa.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Pelajar yang telah menamatkan program peringkat ini boleh memasuki pasaran buruh atau mengikuti latihan lanjutan pendidikan vokasional/ teknik.
- Program yang dikelaskan di bawah kategori ini adalah seperti kursus GIAT MARA.

c) Kod 208 dan 209 – Kolej vokasional Tahun 1 dan 2

- Bidang vokasional memberikan peluang kepada pelajar yang berpencapaian baik atau sederhana dalam akademik dan berminat kepada pembelajaran bercorak vokasional (berkaitan pekerjaan). Isi kandungan bidang vokasional mempunyai komponen teori dan praktikal yang seimbang. Objektif aliran ini adalah untuk membantu melahirkan separa profesional (juruteknik/pembantu teknik) dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Setelah tamat pengajian, pelajar berpeluang ke IPTA, IPTS, dan institut latihan kemahiran awam dan swasta, atau terus ke alam pekerjaan.
- Program ini merangkumi 2 tahun pengajian di peringkat Sijil.
- Pelajar yang berjaya di peringkat Sijil akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM).

Pra Universiti (Termasuk Tingkata 6 dan Matrikulasi)

a) Kod 301 dan 302 – Tingkatan 6 (rendah dan atas)
(umur pelajar: 17-19 tahun); (pengajian terkumpul: 12-14 tahun)

- Pelajar telah tamat pendidikan menengah atas.
- Tempoh pengajian selama 1-2 tahun.
- Pelajar yang telah menamatkan pendidikan di peringkat ini boleh meneruskan pengajian di peringkat diploma/ ijazah atau memasuki pasaran buruh.

b) Kod 303 hingga 305 – Matrikulasi, Program persediaan dan Pra Universiti
(umur pelajar: 17-19 tahun); (pengajian terkumpul: 12-14 tahun)

- Pelajar telah tamat pendidikan menengah atas.
- Pengajian peringkat matrikulasi merupakan persediaan untuk pengajian peringkat ijazah dalam negara dan termasuk program persediaan bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara.
- Tempoh pengajian selama 1–2 tahun.
- Ini termasuk pengajian tahap alpha dan beta di Universiti Multimedia (MMU) yang merupakan pengajian tahun asas (*foundation year*) pertama dan kedua.

c) Kod 306 – Diploma Tahun 1

- Keterangan bagi kod ini adalah sama dengan keterangan bagi Kod 401 tetapi AIR hanya menamatkan pengajian sehingga tahun 1.

d) Kod 307 – Diploma Tahun 2

- Keterangan bagi kod ini adalah sama dengan keterangan bagi Kod 401 tetapi AIR hanya menamatkan pengajian sehingga tahun 2.

e) Kod 308 dan 309 – Kolej vokasional Tahun 3 dan 4

- Bidang vokasional memberikan peluang kepada pelajar yang berpencapaian baik atau sederhana dalam akademik dan berminat kepada pembelajaran bercorak vokasional (berkaitan pekerjaan). Isi kandungan bidang vokasional mempunyai komponen teori dan praktikal yang seimbang. Objektif aliran ini adalah untuk membantu melahirkan separa profesional (juruteknik/pembantu teknik) dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Setelah tamat pengajian, pelajar berpeluang ke IPTA, IPTS, dan institut latihan kemahiran awam dan swasta, atau terus ke alam pekerjaan.
- Program ini merangkumi 2 tahun 6 bulan di peringkat Diploma (termasuk lima 5 bulan *On The Job Training*).
- Pelajar yang dianugerahkan SVM dan melepasi syarat kemasukan layak menyambung pengajian di peringkat Diploma di Kolej Vokasional yang sama.
- Pelajar yang tidak melepasi syarat kemasukan ke peringkat Diploma akan menyambung pengajian di Kolej Vokasional yang sama dalam bidang kemahiran dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan tahap kompetensi yang dicapai.
- Pelajar yang lulus pengajian di peringkat Diploma akan dianugerahkan Diploma oleh Senat Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Matlamat Program Kolej Vokasional untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan kompeten bagi memenuhi keperluan industri dan entrepreneur.

f) Kod 310 – Institusi latihan kemahiran Tahun 1

- Keterangan bagi kod ini adalah sama dengan keterangan bagi Kod 501, 503 dan 504 tetapi AIR hanya menamatkan pengajian sehingga tahun 1.

g) Kod 311 – Institusi latihan kemahiran Tahun 2

- Keterangan bagi kod ini adalah sama dengan keterangan bagi Kod 501, 503 dan 504 tetapi AIR hanya menamatkan pengajian sehingga tahun 2.

Pendidikan pasca menengah bukan tertiari (Program Sijil Kemahiran)

a) Kod 401 – Program sijil kemahiran khusus dan teknikal
(umur pelajar: 18 tahun dan lebih)

- Kemasukan ke program sijil kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan kepada sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah atas seperti tamat Tingkatan 5 atau lulus peperiksaan SPM/ SPM(V). Terdapat juga kursus yang mana syarat kemasukannya hanya lulus PMR atau setaraf dengannya.
- Merujuk kepada program sijil yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications* (LCCI) (Tahap 1 dan 2).
- Contoh institusi : Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan.
- Tempoh kursus sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu untuk memasuki pasaran buruh atau meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk dalam kategori ini adalah sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti atau badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf dengannya (kod 401–403).

b) Kod 402 – Program sijil oleh badan-badan yang memberi pengiktirafan

- Kemasukan ke program sijil dari badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf dengannya memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V) atau dengan kelayakan tambahan dari kod 401.
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Kategori ini juga merangkumi program pensijilan daripada badan-badan yang memberi pengiktirafan seperti program pensijilan daripada Telekom Malaysia, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan agensi-agensi lain.

c) Kod 403 – Program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau setaraf dengannya

- Kemasukan ke program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/SPM(V) atau dengan kelayakan tambahan dari kod 401.
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Merujuk kepada program pensijilan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/kolej termasuk politeknik.
- Contoh: Kursus pensijilan ekonomi, perniagaan dan pengurusan, sains komputer & teknologi maklumat, senibina dan perancangan bandar & ukur yang ditawarkan oleh kolej/ politeknik/universiti.

d) Kod 404 – Program sijil perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu

- Kemasukan ke program sijil perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V).
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Merujuk kepada program pensijilan yang ditawarkan oleh institusi pengajian awam dan swasta termasuk institusi di bawah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.
- Contoh institusi: Institusi Perguruan Malaysia, Sekolah Kejururawatan, Institut Kesihatan Umum, *MASTERSKILL College of Nursing and Health*, Kolej MAHSA dan lain-lain.

Pendidikan tertiari (Diploma)

a) Kod 501 - Program diploma kemahiran khusus dan teknikal

- Kemasukan ke program diploma kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan sekurang-kurangnya menamatkan program sijil kemahiran khusus dan teknikal (kod 401).
- Merujuk kepada program diploma yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan
- tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Diploma Kemahiran Malaysia), Majlis

Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications* (LCCI) (Tahap 3 dan 4).

- Contoh institusi: Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre (ADTEC), State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.

b) Kod 502 - Program diploma lanjutan/ Diploma Tinggi Nasional kemahiran khusus dan teknikal

- Kemasukan ke program diploma lanjutan/ *Higher National Diploma* kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan sekurang-kurangnya tamat program diploma kemahiran khusus dan teknikal (kod 501).
- Merujuk kepada program diploma yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- Contoh institusi: Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre (ADTEC)* dan kolej swasta yang berkenaan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 3 tahun.

c) Kod 503 - Program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau setaraf dengannya

- Kemasukan ke program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V) atau tamat program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya.
- Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej termasuk politeknik.
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.

d) Kod 504 - Program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu

- Kemasukan ke program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V).
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk institusi di bawah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.
- Contoh institusi: Institut Perguruan Malaysia (IPG), Kolej Kejururawatan/ Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Institut Kesihatan Umum, *MASTERKILL College of Nursing and Health*, Kolej MAHSA dan lain-lain.

Pendidikan tertiari (Ijazah dan Sarjana)

a) Kod 601 - Program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus Tingkatan 6 Atas, matrikulasi atau diploma.
- Terdapat juga kemasukan terus ke program ijazah sarjana muda selepas lulus SPM/ SPM(V). Bagaimanapun, golongan ini akan melalui kursus asas (*foundation course*) pada tahun pertama pengajian. Contohnya, kursus peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Malaysia.
- Merujuk kepada program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.
- Program ini lebih bersifat teori dan adalah untuk menyediakan kelayakan yang mencukupi untuk memasuki program penyelidikan lanjutan dan profesion yang berkemahiran tinggi.
- Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori (di peringkat tertiari) selama tiga tahun sepenuh masa. Melibatkan penulisan tesis atau kertas projek di tahun akhir pengajian.
- Terdapat pelbagai pendekatan laluan yang boleh diikuti oleh seseorang pelajar untuk mendapatkan ijazah pertama mereka. Selain daripada program pengajian biasa, terdapat juga program lain seperti program berkembar (3+0 atau 2+1) dan *francais*.
- Kursus diploma lanjutan, diploma dalam bidang sebaran am dan diploma dalam bidang seni lukis dan seni reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.

b) Kod 701 - Program lepasan ijazah

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus ijazah sarjana muda atau diploma lanjutan.
- Merujuk kepada program lepasan ijazah yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan badan-badan profesional dalam bidang-bidang tertentu.
- Program ini lebih bersifat aplikasi untuk memasuki profesion tertentu seperti perguruan atau mendapat pengiktirafan bagi profesion yang berkenaan seperti kejuruteraan, perakaunan, perundangan, arkitek, perubatan dan lain-lain.
- Pensijilan diperoleh melalui kursus/ peperiksaan/ latihan amali. Contohnya, latihan amali bagi bidang undang-undang ialah *chambering*.
- Termasuk juga dalam kategori ini ialah kursus lepasan ijazah seperti Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI), *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan *Bachelor of Laws* (LLB).

c) Kod 702 - Program sarjana (*Master*)

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana muda.
- Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori, penulisan tesis dan/ atau kertas projek sekurang-kurangnya satu tahun sepenuh masa.
- Merujuk kepada program ijazah sarjana yang ditawarkan oleh institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.

Pendidikan tertiari (Ijazah Falsafah Kedoktoran dan Pasca Kedoktoran)

a) Kod 801 - Program ijazah falsafah kedoktoran

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana.
- Merujuk kepada program ijazah falsafah kedoktoran yang ditawarkan di peringkat universiti dalam dan luar negara yang diiktiraf.
- Peringkat ini dikhaskan untuk program pendidikan tertiari yang membawa kepada penganugerahan kelayakan penyelidikan lanjutan. Program ditumpukan kepada penyelidikan sendiri dan pengajian lanjutan.
- Memerlukan penyerahan tesis atau disertasi yang bermutu yang boleh diterbitkan dan hasil penyelidikan sendiri yang merupakan sumbangan yang signifikan kepada ilmu pengetahuan. Tidak sepenuhnya berasaskan kepada kerja kursus.

b) Kod 802 - Skim pasca kedoktoran

- Kemasukan peringkat ini memerlukan seseorang pelajar mempunyai ijazah falsafah kedoktoran (PhD), menjalankan penyelidikan dalam bidang berkaitan dan telah menghasilkan beberapa penerbitan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Peringkat ini dikhaskan kepada program pendidikan/ penyelidikan selepas seseorang itu telah memperolehi ijazah falsafah kedoktoran bertujuan untuk memperoleh kemahiran profesional yang diperlukan dalam kemajuan kerjaya.
- Pelajar yang mengikuti program ini akan memegang jawatan *postdoctoral fellow* bagi tempoh 6 bulan hingga 5 tahun yang dikhususkan untuk menjalankan penyelidikan.
- Program ini juga telah ditawarkan kepada mereka yang memfokuskan kerjaya dalam bidang pendidikan yang dikenali sebagai *teaching post-docs*.

Kod 003 - Pendidikan tidak formal

Merujuk kepada seseorang yang mendapat pendidikan selain daripada pendidikan rasmi atau formal. Pendidikan tidak formal ialah segala bentuk aktiviti pendidikan yang tidak tersusun dan diajar secara spontan sama ada oleh individu atau oleh institusi tidak berdaftar. Contohnya, seseorang yang bersekolah di sekolah pondok dan mendapat pendidikan agama sahaja akan dikategorikan sebagai 'Pendidikan tidak formal'.

Kod 006 – Pendidikan bukan formal

Pendidikan yang disusun dan dilaksanakan di luar daripada sistem pendidikan formal yang bertujuan memberi pembelajaran yang terpilih untuk sesuatu kumpulan di dalam masyarakat. Pendidikan ini boleh diperoleh melalui program seperti latihan, kursus dalam perkhidmatan, seminar, bengkel, forum dan persidangan. Ia dikategorikan sebagai **'Pendidikan bukan formal'**.

Kod 004 – Tiada pendidikan

Merujuk kepada seseorang yang berumur **sembilan tahun dan lebih** dan masih belum bersekolah.

Kod 005 – Masih belum bersekolah

Merujuk kepada kanak-kanak yang berumur **kurang daripada sembilan tahun** dan masih belum bersekolah.

Kod 020 – Tiada sijil
Merujuk kepada seseorang yang masih bersekolah **atau** telah tamat persekolahan **tanpa memperoleh sebarang sijil.**

C14 : Apakah sijil tertinggi yang diperoleh oleh anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah sijil tertinggi yang diperoleh. **Sijil tertinggi yang diperoleh** adalah merujuk kepada sijil akademik yang diterima semasa di sekolah, maktab atau universiti yang menyediakan pendidikan rasmi.

TERMASUK dalam kategori ini ialah AIR yang tidak melalui pendidikan rasmi (contoh: pengajian secara pos yang menyediakan bimbingan mata pelajaran akademik, belajar sendiri atau belajar di sekolah pondok) dan memperoleh sijil daripada badan-badan yang memberi pengiktirafan. Contohnya, AIR yang memiliki sijil SPM tetapi belajar sendiri.

TIDAK TERMASUK sijil yang diperoleh untuk kemahiran tertentu dalam tempoh masa yang pendek (**kurang daripada enam bulan**) seperti simpan kira, membaiki radio, trengkas, komputer dan sijil kemahiran bahasa.

Sijil tertinggi yang diperoleh di luar negara hendaklah dilihat persamaannya dari segi tahun pembelajaran semasa menduduki peperiksaan tersebut. Contoh, Sijil Menengah Atas (SMA) di Indonesia adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sila masukkan kod berdasarkan Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan**.** Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ijazah tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Panduan Penyuntigan dan Pengekodan.

Kod 020 - Tiada Sijil
Merujuk kepada seseorang yang masih bersekolah **atau** telah tamat persekolahan **tanpa memperoleh sebarang sijil**.

Kod 101 dan 102 - UPSR/ UPSRA/ UPKK atau yang setaraf

- Kategori ini merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)/ Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

(UPSR)/ Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) atau yang setaraf.

- UPSR adalah program pengujian untuk menilai pencapaian pelajar di akhir sekolah rendah (Tahun Enam). Peperiksaan ini diperkenalkan pada tahun 1987 bagi menggantikan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.
- UPSRA dijalankan kepada pelajar-pelajar di akhir Sekolah Rendah Agama.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada "Tiada sijil" sehingga "STPM atau yang setaraf", abaikan soalan C15 dan C16.

Kod 241 dan 242 - PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SRA atau yang setaraf

- Merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Rendah Pelajaran (SRP), *Lower Certificate of Education* (LCE), Sijil Rendah Agama (SRA), *Junior Cambridge Certificate* dan *Junior Middle III* atau yang setaraf.
- Kelulusan sijil SRP dan yang setaraf adalah merujuk kepada sijil penuh iaitu mereka yang mendapat pangkat A, B dan C. Pangkat "S" atau "*Statement*" tidak dikira sebagai sijil penuh.
- PMR telah menggantikan SRP mulai tahun 1993.
- PT3 telah menggantikan PMR mulai tahun 2014.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada "Tiada sijil" sehingga "STPM atau yang setaraf", abaikan soalan C15 dan C16.

Kod 341, 342, 343, 344, 345 dan 351 - SPM atau yang setaraf

- Merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM), Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPM(V)), *School Certificate* (SC), *Senior Cambridge Certificate*, *Malaysia Certificate of Education* (MCE), *Federation of Malay Certificate* (FMC), *Malaysia Certificate of Vocational Education* (MVE) 41
- *Senior Middle III, 4 Thanawi* (Sijil Pelajaran Agama), *GCE 'O' Level* atau yang setaraf.
- FMC diperkenalkan pada 1957 dan digantikan dengan MCE pada 1964. Seterusnya, SPM telah menggantikan MCE. Sebelum Sistem Pensijilan Terbuka diperkenalkan di peringkat SPM pada tahun 2000, hanya mereka yang mendapat pangkat 1, 2 dan 3 dikategorikan di bawah kod ini. Dalam Sistem Pensijilan Terbuka, calon yang lulus Bahasa Melayu akan menerima sijil penuh.
- MVE diperkenalkan pada 1969. SPVM menggantikan MVE pada tahun 1981. Seterusnya, SPVM ditukar menjadi SPM (V) pada 1988.

- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada “Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”, abaikan soalan C15 dan C16.

Kod 346 hingga 349 - STPM/STAM atau yang setaraf

- Merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Persekolahan (STP), *Higher School Certificate* (HSC), Sijil Tinggi Agama (STA), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Ugama (STU), *GCE ‘A’ Level*.
- TIDAK TERMASUK “*GCE Statements*” yang tidak setaraf dengan sijil penuh.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada “Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”, abaikan soalan C15 dan C16.

Kod 352 - Sijil Kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

- Kemasukan ke program sijil kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan kepada sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah atas seperti tamat Tingkatan 5 atau lulus peperiksaan SPM/ SPM(V). Terdapat juga kursus yang mana syarat kemasukannya hanya lulus PMR atau setaraf dengannya.
- Merujuk kepada program sijil yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications* (LCCI) (Tahap 1 dan 2).
- Contoh institusi : Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan.
- Tempoh kursus sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu untuk memasuki pasaran buruh atau meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk dalam kategori ini adalah sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti atau badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf.

Kod 353 hingga 357 - Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf

- Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan-badan yang memberi pengiktirafan (contoh: *Construction Industry Development Board* (CIDB) atau yang setaraf.
- Contohnya, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.

Kod 551 dan 552 - Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

- Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma* (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4).
- Contohnya, Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma* (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC), *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.

Kod 553 hingga 556 - Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

- Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf.
- Contohnya, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

Kod 665, 667 dan 767 - Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

- Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Lanjutan setaraf dengannya yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.
- Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan Diploma Seni Lukis & Seni Reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.

a) Diploma/ sijil pasca ijazah ialah Diploma Perguruan Lepasan Ijazah;
b) Diploma/ sijil dari badan profesional ialah *Association of Chartered Certified Accountants* daripada ACCA.

- Sarjana merujuk kepada ijazah sarjana yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

Kod 861 dan 862 - Doktor Falsafah (PhD)
Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

Kod 023 - Sijil Pendidikan bukan formal
Merujuk kepada mereka yang menerima sijil melalui program seperti latihan, kursus dalam perkhidmatan, seminar, bengkel, forum dan persidangan. Ini tidak tertakluk kepada responden yang dicatatkan sebagai 'Pendidikan Bukan Formal' (Kod 006).

Kod 021 – Masih belum bersekolah
Merujuk kepada kanak-kanak yang berumur **kurang daripada sembilan tahun** dan masih belum bersekolah yang mana belum menerima sebarang sijil.

Kod 022 - Tidak berkenaan
Merujuk kepada responden yang dicatatkan sebagai 'Tiada pendidikan' (Kod 004) atau 'Pendidikan tidak formal' (Kod 003) kecuali mereka yang memiliki sijil dari badan-badan yang memberi pengiktirafan tanpa melalui pendidikan rasmi. Ini termasuk juga mereka yang memperoleh sijil agama sahaja.

C15 : Sila nyatakan nama Institusi Pengajian yang dihadiri oleh anda bagi kelulusan tertinggi yang diperoleh.

Nota: Bagi mereka yang memiliki sijil/ diploma/ ijazah dan ke atas.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui nama institusi pengajian yang dihadiri AIR. Institusi pengajian merujuk kepada nama institusi di mana AIR mendapat pendidikan dan memperoleh sijil/ diploma/ ijazah tertinggi.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut nama institusi. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit. Kod bagi setiap nama institusi dirujuk pada Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan.

C16 : Apakah bidang pengajian utama anda bagi sijil tertinggi yang diperoleh?

Nota: Sila isikan kod berdasarkan Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bidang pengajian utama AIR bagi sijil tertinggi yang diperoleh.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ ijazah tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah empat (4) digit. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Panduan Penyuntingan dan Pengekodan.

Program asas/ umum - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Program asas/ umum** maka isikan Kod **"0011".**

Pendidikan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Sains Pendidikan,** maka isikan Kod **"0111".**

Kesenian - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Seni halus, lukisan, khat, *calligraphy*** maka isikan Kod **"0200"**.

Bahasa - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Pengajian bahasa** maka isikan Kod **"0231"**.

Sains sosial dan sains sejagat - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Psikologi** maka isikan Kod **"0313"**.

Kewartawanan dan Maklumat - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Media dan komunikasi** maka isikan Kod **"0323"**.

Perniagaan dan Pentadbiran - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Perakaunan, percukaian, pengauditan, simpang kira** maka isikan Kod **"0411"**.

Undang - undang - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Undang - undang,** maka isikan Kod **"0421"**.

Biologi dan sains berkaitan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Biokimia** maka isikan Kod **"0512"**.

Sains Alam Sekitar - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Sains alam sekitar,** maka isikan Kod **"0521"**.

Sains fizikal - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Kimia (kimia orgaik, polimer, petroleum),** maka isikan Kod **"0531"**.

Matematik dan Statistik - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Matematik (algebra, matematik gunaan, geometri, penyelididkan operasi, analisis berangka)** maka isikan Kod **"0541".**

Teknologi maklumat dan komunikasi - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Sains Komputer**, maka isikan Kod **"0613".**

Kejuruteraan dan Kejuruteraan dagangan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Teknologi perlindungan alam sekitar** maka isikan Kod **"0717"**.

Pembuatan dan pemprosesan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Pemprosesan makanan**, maka isikan Kod **"0721".**

Senibina dan perancang bandar - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Senibina**, maka isikan Kod **"0731".**

Pertanian, Perhutanan dan Perikanan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Perhutanan**, maka isikan Kod **"0821".**

Veterinar - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Penjagaan kesihatan haiwan, *reproduction, veterinary assisting and medicine***, maka isikan Kod **"0841"**

Kesihatan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Perubatan**, maka isikan Kod **"0912".**

Perkhidmatan sosial - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah ***Care of elderly and of disabled***, maka isikan Kod **"0921".**

Perkhidmatan Personel - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Pengembaraan, pelancongan dan rekreasi**, maka isikan Kod **"1015".**

Perkhidmatan Kebersihan dan kesihatan pekerja - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah ***Community sanitation***, maka isikan Kod **"1021".**

Perkhidmatan keselamatan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Ketenteraan dan pertahanan (latihan ketenteraan, sains militari, national security)** maka isikan Kod **"1031".**

Perkhidmatan pengankutan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah ***Interdisciplinary programmes and qualifications involving services***, maka isikan Kod **"1088".**

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN LEBIH (C17 - C28)

PENDIDIKAN FORMAL

1. **Definisi**
   Pendidikan formal bermaksud pendidikan yang diterima oleh seseorang di institusi pendidikan melalui program berstruktur (mempunyai kokurikulum, tempoh pengajian, dan sistem pentaksiran) dan dianugerahkan sijil/ diploma/ ijazah (sama ada melalui pembiayaan sendiri, kerajaan, atau swasta).

2. **Pendidikan formal** dikendalikan oleh institusi yang mempunyai ciri-ciri berikut:
   a) Pendaftaran pelajar;
   b) Kurikulum yang tetap;
   c) Tempat belajar yang tetap; dan
   d) Disediakan oleh agensi yang berdaftar.

3. **Institusi awam dan swasta** adalah termasuk:
   a) Tadika/ Pra sekolah;
   b) Sekolah (Rendah dan Menengah);
   c) Lepasan Menengah;
   d) Institusi kemahiran vokasional/ Teknikal/ Perdagangan;
   e) Maktab/ Institusi Pendidikan Guru/ Kolej/ Politeknik;

f) Universiti/ Kolej Universiti; dan
g) Sekolah Pondok/ Madrasah.

C17 : Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah menjadi pelajar atau perantis dalam Pendidikan formal atau latihan?

Nota: Perantis, pelatih industri atau pelajar praktikal adalah orang yang bekerja dengan tujuan untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang sama ada dibayar atau tidak. Contohnya, menjadi seorang perantis di sebuah kedai bahan bakeri dan menjadi pelatih industri di tempat kerja.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah menjadi perantis. 12 bulan lepas merujuk kepada 12 bulan sebelum tarikh survei. Contoh, survei adalah pada Mei 2025, 12 bulan sebelum merujuk kepada **Mei 2024** sehingga **Mei 2025.**

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR pernah menjadi perantis.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR tidak pernah menjadi perantis.

Sekiranya AIR menjawab **Kod 2,** terus ke **soalan C23.**

C18 : Adakah aktiviti pendidikan atau latihan formal yang disertai dalam tempoh 12 bulan lepas yang merupakan program teknikal atau vokasional?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan formal yang disertai oleh AIR dalam tempoh 12 bulan lepas merupakan program teknikal atau vokasional.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR yang menyertai aktiviti pendidikan atau latihan formal yang merupakan program teknikal atau vokasional dalam tempoh 12 bulan lepas.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR yang tidak menyertai aktiviti pendidikan atau latihan formal yang merupakan program teknikal atau vokasional dalam tempoh 12 bulan lepas.

C19 : Adakah tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal ini untuk meningkatkan kemahiran literasi anda?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal dapat meningkatkan kemahiran literasi bagi AIR.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR yang dapat meningkatkan kemahiran literasi melalui tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal ini.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR yang tidak dapat meningkatkan kemahiran literasi melalui tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal ini.

C20 : Adakah aktiviti pendidikan atau latihan formal ini bertujuan untuk peningkatan kemahiran dan kemahiran semula (meningkatkan kecekapan kerja anda)?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan formal ini dapat meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula (meningkatkan kecekapan kerja) bagi AIR.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR yang dapat meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula (meningkatkan kecekapan kerja) melalui aktiviti pendidikan atau latihan formal ini.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR yang tidak dapat meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula (meningkatkan kecekapan kerja) melalui aktiviti pendidikan atau latihan formal ini.

C21 : Adakah tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal ini untuk meningkatkan pengetahuan am anda?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal dapat meningkatkan pengetahuan am bagi AIR.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR yang dapat meningkatkan pengetahuan am melalui tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR yang tidak dapat meningkatkan pengetahuan am melalui tumpuan aktiviti pendidikan atau latihan formal.

C22 : Sila nyatakan sumber pembiayaan yang digunakan untuk pendidikan formal atau aktiviti latihan. (Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti sumber pembiayaan yang digunakan untuk aktiviti pendidikan atau latihan formal. Jawapan berganda adalah dibenarkan.

- **Kod 1: Tajaan kerajaan** merujuk kepada penajaan daripada pihak kerajaan.

- **Kod 2: Tajaan syarikat** merujuk kepada penajaan daripada syarikat.

- **Kod 3: Penaja swasta lain** merujuk kepada penajaan yang diberikan oleh institusi kewangan swasta lain.

- **Kod 4: Komuniti dan rangkaian sosial** merujuk kepada penajaan daripada komuniti dan rangkaian sosial.

- **Kod 5: Dana sendiri** merujuk kepada pembiayaan pendidikan menggunakan dana sendiri.

- **Kod 6: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** merujuk kepada penajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- **Kod 7: Bank** merujuk kepada penajaan daripada bank.

- **Kod 8: Entiti lain** merujuk kepada penajaan daripada entiti lain.

PENDIDIKAN BUKAN FORMAL

1. **Definisi:**
   Pendidikan bukan formal ialah segala bentuk aktiviti pendidikan yang tersusun dan sistematik untuk sesuatu golongan berdasarkan keperluan dan aspirasi mereka.

2. **Pendidikan bukan formal dikendalikan oleh institusi yang mempunyai ciri-ciri berikut:**

    a) Para pesertanya tidak terbatas kepada golongan muda, dewasa atau golongan tua. Namun demikian, ia tertumpu kepada mana-mana golongan tertentu dengan matlamat dan objektif tertentu.
    b) Ia dijalankan, diuruskan atau diorganisasikan oleh sesuatu pihak atau agensi.
    c) Suasana pembelajaran adalah formal iaitu ada kurikulum yang berstruktur dan formal serta ada infrastruktur seperti bilik darjah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran.

3. **Contoh:** Pertanian lanjutan dan program latihan petani; program literasi dewasa; *on-the-job training* yang diberikan di luar sistem formal seperti latihan, kursus dalam perkhidmatan, seminar, bengkel, forum dan persidangan, kelab belia dengan tujuan pendidikan; dan pelbagai program komuniti kesedaran dalam kesihatan seperi perancangan keluarga, koperasi, dan sebagainya.

C23 : Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda telah menyertai mana-mana aktiviti berikut dengan niat untuk meningkatkan pengetahuan atau kemahiran dalam mana-mana bidang (termasuk hobi) sama ada pada masa lapang atau waktu bekerja?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada dalam tempoh 12 bulan yang lepas AIR ada menyertai mana-mana aktiviti berikut dengan niat untuk meningkatkan pengetahuan atau kemahiran dalam mana-mana bidang (termasuk hobi) sama ada pada masa lapang atau waktu bekerja.

- **Kod 1: Ya, kursus** merujuk kepada AIR yang menyertai kursus.

- **Kod 2: Ya, bengkel atau seminar** merujuk kepada AIR yang menyertai bengkel atau seminar.

- **Kod 3: Ya, latihan berpandu di tempat kerja** merujuk kepada AIR yang menyertai latihan berpandu di tempat kerja.

- **Kod 4: Ya, pembelajaran persendirian** merujuk kepada AIR yang menyertai pembelajaran sendiri.

- **Kod 5: Tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti** merujuk kepada AIR yang tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti.

Sekiranya AIR menjawab **Kod 5,** terus ke soalan **Modul D.**

C24 : Adakah aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal ini merupakan program teknikal atau vokasional?

Tujuan soalan ini diajukan untuk mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal ini merupakan program teknikal atau vokasional**.**

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal yang merupakan program teknikal atau vokasional.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal yang tidak berkaitan dengan program teknikal atau vokasional.

C25 : Adakah aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal ini untuk meningkatkan kemahiran literasi anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan kemahiran literasi**.**

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan kemahiran literasi.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal tidak dapat meningkatkan kemahiran literasi.

C26 : Adakah aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula (meningkatkan kecekapan bekerja anda)?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan kemahiran dan melatih semula (meningkatkan kecekapan bekerja).

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan kemahiran dan melatih semula (meningkatkan kecekapan bekerja).

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal tidak dapat meningkatkan kemahiran dan melatih semula (meningkatkan kecekapan bekerja)

C27 : Adakah fokus mana-mana aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal ini untuk meningkatkan pengetahuan am anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan pengetahuan am.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal dapat meningkatkan pengetahuan am.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal tidak dapat meningkatkan pengetahuan am.

C28 : Sila nyatakan sumber pembiayaan yang digunakan untuk aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal. (Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti sumber pembiayaan yang digunakan untuk aktiviti pendidikan atau latihan bukan formal. Jawapan berganda adalah dibenarkan.

- **Kod 1: Tajaan kerajaan** merujuk kepada penajaan daripada pihak kerajaan.

- **Kod 2: Tajaan syarikat** merujuk kepada penajaan daripada syarikat.

- **Kod 3: Penaja swasta lain** merujuk kepada penajaan yang diberikan oleh institusi kewangan swasta lain.

- **Kod 4: Komuniti dan rangkaian sosial** merujuk kepada penajaan daripada komuniti dan rangkaian sosial.

- **Kod 5: Dana sendiri** merujuk kepada pembiayaan pendidikan menggunakan dana sendiri.

- **Kod 6: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** merujuk kepada penajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- **Kod 7: Bank** merujuk kepada penajaan daripada bank.

- **Kod 8: Entiti lain** merujuk kepada penajaan daripada entiti lain.

5.4 MODUL D: JURANG GAJI KESAKSAMAAN GENDER

Pada soal selidik Modul D, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpulkan maklumat penting mengenai pendapat Ahli Isi Rumah (AIR) tentang jurang gaji kesaksamaan gender. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggarkan peratusan responden berpendapat bahawa terdapat jurang gaji antara wanita dan lelaki bagi pekerjaan yang sama.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN LEBIH (D1 - D4)

D1 : Apakah pekerjaan utama anda?

Nota: Sila isikan kod pekerjaan berdasarkan Buku Kod MASCO 2020.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui pekerjaan utama AIR. Pekerjaan ditakrif sebagai satu set kerja yang tugas dan kewajiban utamanya adalah serupa. Ini bermaksud orang yang melaksanakan tugas utama yang serupa dianggap menjalankan jenis kerja yang sama dan dikelaskan dalam kumpulan pekerjaan yang sama, tanpa mengira tahap kuasa, tanggungjawab atau pengalaman kerja.

Seseorang responden kadangkala melakukan lebih daripada satu jenis pekerjaan. Dalam hal ini, pekerjaan utamanya hendaklah ditentukan oleh kerja yang menggunakan sebahagian besar daripada masanya dalam minggu rujukan. Catatkan pekerjaan ini bagi responden berkenaan.

Suri rumah yang bekerja secara sambilan walaupun menghabiskan sebahagian besar daripada masanya membuat kerja rumah, mestilah dikodkan bekerja iaitu mengambil kira kerja sambilannya itu. Begitu juga dengan pelajar yang membuat kerja sambilan, pekerjaan utamanya ialah kerja sambilannya itu.

Tuliskan jawapan di ruangan **Nyatakan** dan kod jawapan di petak yang berkenaan dengan merujuk kepada Buku Kod MASCO 2020.

Anggota tentera, pegawai-pegawai bertauliah tentera darat, laut dan udara serta pekerjaan profesional dan sokongan dalam angkatan tentera seperti doktor, jururawat, pramugari, tukang kebun, tukang masak dan sebagainya dikodkan

di bawah **Kumpulan 0: Angkatan Tentera** iaitu bermula kod **011101: Pegawai Perubatan** sehingga **032125: Anggota Pancaragam (TUDM).**

Pemilik yang bekerja dikelaskan mengikut aktiviti mereka. Seorang pemilik kedai yang menghabiskan sebahagian besar masanya di kaunter (sebagai juruwang) dan membantu pelanggan sepatutnya dikelaskan di bawah kumpulan sub utama MASCO 2020: Pekerja Jualan. Tetapi jika aktivitinya terdiri daripada mengurus sumber, kewangan dan kakitangan kedai, beliau sepatutnya dikelaskan di bawah kumpulan sub utama MASCO 2020: Pengurus Perkhidmatan Runcit.

D2 : Berapakah anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Ahli Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber, termasuk hasil harta dan pindahan semasa?

Nota:

- **Pendapatan daripada harta benda (contoh: royalti, dividen, faedah, bayaran sewa)**
- **Pindahan semasa yang diterima terdiri daripada kiriman wang dari Isi Rumah lain, nafkah, pencen dan bantuan-bantuan lain yang diterima secara berkala.**

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber termasuk daripada harta dan pindahan semasa.

Jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh semua AIR daripada pelbagai sumber dalam bentuk wang tunai seperti contoh berikut:

a) Gaji dan upah;
b) Bonus, tip, bayaran kerja lebih masa;
c) Elaun/ imbuhan tunai (contoh; elaun sara hidup, elaun pertanian);
d) Pendapatan daripada harta benda (contoh: royalti, dividen, faedah, bayaran sewa);
e) Pendapatan bersih diterima daripada kerja sendiri;
f) Bantuan tetap yang diterima daripada kerajaan/ swasta/ badan NGO; dan
g) Pindahan semasa yang diterima terdiri daripada kiriman wang dari Isi Rumah lain, nafkah, pencen dan bantuan-bantuan lain yang diterima secara berkala.

Pendapatan **tidak termasuk** mana-mana penerimaan yang diterima secara istimewa, yang mana tidak berulang kali (iaitu tidak berlaku tahun demi tahun atau dalam jangka masa lebih kerap daripada itu). Contohnya pinjaman, jualan barangan milik sendiri seperti tanah, rumah, kenderaan dan alat kelengkapan lain.

GENDER

D3 : Pada pendapat anda, adakah wanita menerima gaji yang sama seperti lelaki untuk pekerjaan yang setara?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui pendapat AIR terhadap kesamarataan gaji wanita dengan lelaki bagi pekerjaan yang sama.

Tandakan **(X)** pada skor antara **1** sehingga **6**.

- **Skor 1:** Sangat tidak setuju
- **Skor 2:** Tidak setuju
- **Skor 3:** Agak tidak setuju
- **Skor 4:** Agak setuju
- **Skor 5:** Setuju
- **Skor 6:** Sangat setuju

D4 : Pada pendapat anda, bagaimanakah jurang gaji *gender* dapat dirapatkan? (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui pendapat AIR berkaitan langkah-langkah untuk merapatkan jurang gaji lelaki dan wanita.

- **Kod 1: Undang-undang kerajaan yang menetapkan gaji yang sama** merujuk kepada Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 telah melarang segala bentuk diskriminasi terhadap sesiapa atas dasar agama, bangsa, keturunan, tempat lahir atau jantina di dalam pelantikan apa-apa

jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berkaitan.

- **Kod 2: Polisi baharu syarikat mengenai gaji dan pampasan** merujuk kepada pengemaskinian atau pembaharuan polisi syarikat mengenai gaji dan pampasan pekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.

- **Kod 3: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

5.5 MODUL E: KERJA DOMESTIK, PENJAGAAN DAN KESELAMATAN

Pada soal selidik Modul E, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat diri semua Ahli Isi Rumah (AIR).

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN LEBIH (E1 – E4)

MASA YANG DILUANGKAN UNTUK KERJA DOMESTIK DAN PENJAGAAN TANPA BAYARAN

Soalan-soalan di bawah bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai masa yang diluangkan untuk kerja domestik dan penjagaan tanpa bayaran mengikut jantina, umur dan lokasi.

Jumlah jam yang digunakan bagi soalan $\mathrm{E1} + \mathrm{E2} + \mathrm{E3} \leq 168$ jam.

E1 : Melakukan kerja rumah, kerja halaman atau penyelenggaraan rumah untuk Ahli Isi Rumah ini atau orang lain tanpa bayaran?

Nota: Kerja rumah termasuk aktiviti seperti membersihkan rumah, melakukan dobi, menyeterika, menyediakan dan menghidangkan makanan, mencuci kereta, membersihkan halaman, memotong rumput, menjaga taman bunga anda, membeli barangan runcit, gas memasak atau barangan rumah lain, membayar bil dan pembaikan rumah kecil. Perjalanan atau masa menunggu harus disertakan dalam jawapan anda.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui jumlah jam AIR melakukan kerja rumah, kerja halaman atau penyelenggaraan rumah untuk AIR ini atau orang lain tanpa bayaran.

Sila nyatakan jawapan di ruangan yang disediakan.

E2 : Menjaga anak sendiri atau anak orang lain, tanpa bayaran?

Nota: Menjaga kanak-kanak termasuk bermain, memandikan, membantu kerja sekolah, membaca dan membawa ke klinik/ hospital untuk urusan perubatan atau aktiviti lain. Perjalanan atau masa menunggu harus disertakan dalam jawapan anda.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui jumlah jam AIR menjaga anak sendiri atau anak orang lain tanpa bayaran.

Sila nyatakan jawapan di ruangan yang disediakan.

E3 : Menjaga atau membantu Ahli Isi Rumah atau keluarga anda, termasuk warga tua, orang sakit atau OKU tanpa bayaran?

Nota: Menjaga termasuk memberi makan, penjagaan peribadi dan fizikal, bercakap dengan, membantu membeli-belah atau membayar bil, memberikan bantuan untuk mengambil ubat dan sebagainya. Perjalanan atau masa menunggu harus disertakan dalam jawapan anda.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui jumlah jam AIR menjaga atau membantu AIR atau keluarga anda termasuk warga tua, orang sakit atau OKU tanpa bayaran.

Sila nyatakan jawapan di ruangan yang disediakan.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN LEBIH (E4)

KESELAMATAN

Soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik keselamatan. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar kadar penduduk yang berasa selamat berjalan bersendirian.

E4 : Adakah anda berasa selamat berjalan bersendirian di kawasan anda/ kawasan kejiranan selepas gelap?

Nota: Selepas gelap atau di waktu malam.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR berasa selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

Tandakan **(X)** pada skor antara **1** sehingga **6**.

- **Skor 1: Sangat selamat** merujuk kepada AIR berasa sangat selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

- **Skor 2: Selamat** merujuk kepada AIR berasa selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

- **Skor 3: Tidak selamat** merujuk kepada AIR berasa tidak selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

- **Skor 4: Sangat tidak selamat** merujuk kepada AIR berasa sangat tidak selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

- **Skor 5: Saya tidak pernah berjalan berseorangan pada waktu malam/ Tidak berkenaan** merujuk kepada AIR tidak pernah berjalan berseorangan pada waktu malam di kawasannya atau kawasan kejiranannya.

- **Skor 6: Tidak tahu** merujuk kepada AIR tidak tahu tentang keselamatan berjalan di kawasannya atau kawasan kejiranannya selepas gelap/ pada waktu malam.

5.6 MODUL F: HAK KESAMARATAAN

Pada soal selidik Modul F, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai pendapat Ahli Isi Rumah tentang hak kesamarataan jantina.

Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar:

a) Peratusan penduduk yang telah mengalami pertikaian dalam tempoh dua tahun lalu dan yang telah menggunakan mekanisme penyelesaian pertikaian secara formal atau tidak formal, mengikut jenis mekanisme;
b) Peratusan pelaporan penduduk yang secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu; dan
c) Peratusan penduduk yang mempercayai bahawa pembuatan keputusan adalah menyeluruh dan responsif.

HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 18 TAHUN DAN LEBIH (F1 – F12)

PERTIKAIAN FORMAL DAN TIDAK FORMAL

Soalan-soalan di bawah bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai isi rumah yang mengalami pertikaian dalam dua tahun yang lalu dan yang mengakses mekanisme penyelesaian pertikaian formal atau tidak formal, mengikut jenis mekanisme.

F1 : Sepanjang 2 tahun yang lepas, adakah anda secara peribadi (tidak mewakili mana-mana individu lain) pernah mengalami masalah atau pertikaian seperti berikut:

Nota: Pertikaian/ masalah merujuk kepada yang terkini dan terdapat 11 pilihan jenis pertikaian/ masalah. (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada AIR secara peribadi (tidak mewakili mana-mana individu lain) pernah mengalami masalah atau pertikaian sepanjang tempoh dua tahun lepas.

Tandakan (X) pada **satu sahaja** kotak berdasarkan **11 pilihan pertikaian** di bawah. Pilih jenis pertikaian terkini.

- **Kod 1:** Masalah berkaitan **TANAH** atau pembelian dan menjual harta. (Contoh: pertikaian mengenai hak milik hartanah, hak untuk melalui hartanah atau menduduki tanah secara haram).

- **Kod 2:** Isu berkaitan **PERUMAHAN**. (Contoh: masalah dengan tuan rumah atau penyewa mengenai sewa, kerosakan atau membaik pulih atau pengusiran).

- **Kod 3:** Mencuba menyelesaikan **ISU KELUARGA**. (Contoh: perceraian, nafkah anak, hak penjagaan anak atau wasiat).

- **Kod 4:** Menuntut pampasan untuk **KECEDERAAN ATAU PENYAKIT** yang disebabkan oleh kemalangan, keadaan tempat kerja yang teruk atau rawatan perubatan yang salah.

- **Kod 5:** Masalah berkaitan **PEKERJAAN ATAU BURUH**. (Contoh: dipecat secara tidak adil, masalah mendapatkan gaji atau faedah atau gangguan).

- **Kod 6:** Masalah berkaitan **PEMBAYARAN KERAJAAN** termasuk pemindahan wang, pencen, geran pendidikan atau faedah hilang upaya.

- **Kod 7: PERKHIDMATAN KERAJAAN DAN AWAM SELAIN PEMBAYARAN** (termasuk masalah mengakses penjagaan kesihatan dan pendidikan, masalah mendapatkan ID atau dokumen peribadi kerajaan yang lain, kekurangan akses kepada air atau elektrik).

- **Kod 8:** Masalah berkaitan **BARANGAN DAN PERKHIDMATAN** lain. (Contoh: masalah yang berkaitan dengan perkhidmatan professional yang teruk, barangan yang rosak).

- **Kod 9:** Isu berkaitan **WANG, HUTANG ATAU PERKHIDMATAN KEWANGAN** seperti tidak mampu membayar bil atau hutang atau masalah pengutipan wang anda.

- **Kod 10:** Isu **ALAM SEKITAR** yang menjejaskan anda, harta benda anda atau komuniti anda. (Contoh: pencemaran tanah atau air, pembuangan sampah).

- **Kod 11:** Pertikaian **KEJIRANAN**, termasuk masalah dengan jiran mengenai bunyi bising, vandalisme atau pengambilan alkohol atau dadah di jalanan.

- **Kod 12:** Tiada Pertikaian.

- **Kod 13:** Tidak tahu.

- **Kod 14:** Memilih untuk tidak jawab.

Sekiranya AIR memilih **Kod 12, 13 atau 14**, terus ke **soalan F7**.

F2 : Adakah anda atau pihak ketiga merujuk kepada badan atau institusi khusus untuk menyelesaikan pertikaian isu yang dinyatakan di (F1)?

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada AIR atau pihak ketiga merujuk kepada badan atau institusi khusus untuk menyelesaikan pertikaian isu yang dinyatakan di (F1).

Nota: Jawapan berganda dibenarkan.

Tandakan (X) pada kotak berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

- **Kod 1** Mahkamah atau tribunal.

- **Kod 2** Polis atau penguatkuasa undang-undang lain.

- **Kod 3** Pejabat kerajaan, pejabat perbandaran, pihak berkuasa/ agensi rasmi yang ditetapkan.

- **Kod 4** Pemimpin agama atau pihak berkuasa.

- **Kod 5** Peguam, peguamcara atau pembantu guaman.

- **Kod 6** Aduan rasmi lain atau proses rayuan.

- **Kod 7** Bantuan luar lain seperti pengantaraan, pendamaian atau timbang tara.

- **Kod 8** Orang atau organisasi lain

- **Kod 9** Tidak merujuk mana-mana badan khusus

Sekiranya AIR menjawab **Kod 9 Tidak merujuk mana-mana badan khusus,** terus ke **soalan F6.**

F3 : Adakah masalah atau pertikaian anda selesai selepas merujuk kepada badan khusus tersebut? (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada masalah atau pertikaian anda selesai selepas merujuk kepada badan khusus tersebut.

Tandakan (X) pada **satu sahaja** kotak berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

- **Kod 1:** Tidak, masih berterusan.

- **Kod 2:** Ya, tetapi masalah berterusan.

- **Kod 3:** Ya, masalah selesai.

Sekiranya AIR menjawab **Kod 1 Tidak, masih berterusan,** terus ke **soalan F9.**

F4 : Badan/ insitusi manakah yang akhirnya menyelesaikan masalah atau pertikaian tersebut? (Tandakan satu sahaja)

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui badan atau insitusi manakah yang akhirnya menyelesaikan masalah atau pertikaian tersebut.

Tandakan (X) pada **satu sahaja** kotak berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

- **Kod 1:** Tiada keputusan diambil: pertikaian telah digugurkan atau telah diselesaikan.

- **Kod 2:** Tiada keputusan diambil: kerana kes masih berjalan.

- **Kod 3:** Mahkamah atau tribunal.
- **Kod 4:** Polis atau penguatkuasa undang-undang lain.
- **Kod 5:** Pejabat kerajaan atau perbandaran atau pihak berkuasa atau agensi rasmi yang ditetapkan.
- **Kod 6:** Pemimpin agama atau pihak berkuasa
- **Kod 7:** Ketua masyarakat atau pihak berkuasa seperti ketua kampung atau ketua tempatan.
- **Kod 8:** Peguam, peguamcara atau pembantu guaman.
- **Kod 9:** Aduan rasmi lain atau proses rayuan.
- **Kod 10:** Bantuan luar lain seperti pengantaraan, pendamaian atau timbang tara.
- **Kod 11:** Orang atau organisasi lain.

Sekiranya AIR menjawab **Kod 1 atau Kod 2,** terus ke **soalan F9.**

F5 : Berdasarkan penyelesaian yang diterima (F4), tandakan situasi penyelesaian yang bersesuaian semasa proses tersebut. (Jawapan berganda dibenarkan)

Nota: Jika soalan ini dijawab terus ke soalan F9.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui situasi penyelesaian yang bersesuaian semasa proses tersebut, berdasarkan penyelesaian yang diterima di soalan F4.

Tandakan (X) pada kotak berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. **Jawapan berganda dibenarkan.**

- **Kod 1:** Kedua-dua pihak mempunyai peluang yang sama untuk menjelaskan pendirian mereka.
- **Kod 2:** Terdapat rekod bertulis mengenai proses itu.

- **Kod 3:** Anda menerima keputusan muktamad mengenai proses secara bertulis.

- **Kod 4:** Justifikasi untuk keputusan itu telah diterangkan secara jelas kepada anda.

- **Kod 5** Ia boleh atau berkemungkinan boleh untuk merayu keputusan itu, sekurang-kurangnya sekali.

- **Kod 6:** Anda telah dibantu oleh seseorang, seorang peguam, paralegal, pakar lain dalam pertikaian ini.

- **Kod 7:** Proses adalah cepat/ cekap.

- **Kod 8:** Proses itu berpatutan.

F6 : Mengapakah anda tidak merujuk mana-mana badan khusus untuk menyelesaikan masalah atau pertikaian tersebut? (Jawapan berganda dibenarkan)

Nota: Jika soalan ini dijawab terus ke soalan F9.

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui alasan AIR tidak merujuk mana-mana badan khusus untuk menyelesaikan masalah atau pertikaian tersebut.

Tandakan (X) pada kotak berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. **Jawapan berganda dibenarkan.**

- **Kod 1:** Saya fikir masalah itu tidak cukup penting.

- **Kod 2:** Saya yakin bahawa saya boleh menyelesaikannya sendiri dengan mudah.

- **Kod 3:** Saya penyebab masalah/ menyerah kepada pihak lain.

- **Kod 4:** Saya tidak tahu ke mana hendak pergi.
- **Kod 5:** Saya tidak memperoleh bantuan guaman.

- **Kod 6:** Ia terlalu jauh atau sukar untuk dicapai.
- **Kod 7:** Ia terlalu mahal atau menyusahkan.
- **Kod 8:** Saya tidak mempercayai pihak berkuasa.
- **Kod 9:** Saya tidak fikir mereka boleh membantu.
- **Kod 10:** Saya takut akan kesannya kepada saya atau keluarga saya.
- **Kod 11:** Saya tidak tahu ada kemungkinan untuk merujuk mana-mana badan khusus untuk menyelesaikan isu tersebut.
- **Kod 12:** Sebab lain (Nyatakan).

Sekiranya **Kod 12** dipilih, sila nyatakan sebab lain di ruangan yang disediakan.

F7 : Sekiranya berlaku pertikaian dalam hidup anda, adakah anda tahu untuk merujuk pada badan/ institusi bagi menyelesaikan pertikaian tersebut?

Nota: Soalan ini hanya dijawab oleh AIR yang menjawab soalan F1 (Kod 12, 13 atau 14)

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada AIR tahu untuk merujuk mana-mana badan atau institusi bagi menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 1: Ya** merujuk bahawa AIR tahu untuk merujuk mana-mana badan atau institusi bagi menyelesaikan pertikaian.
- **Kod 2: Tidak** merujuk bahawa AIR tidak tahu untuk merujuk mana-mana badan atau institusi bagi menyelesaikan pertikaian.

F8 : Pada pendapat anda, adakah anda bersetuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian sekiranya berlaku dalam kehidupan anda?

Nota: Soalan ini hanya dijawab oleh AIR yang menjawab soalan F1 (Kod 12, 13 atau 14)

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui sama ada AIR bersetuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian sekiranya berlaku.

- **Kod 1: Sangat tidak setuju** merujuk bahawa AIR sangat tidak setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 2: Tidak setuju** merujuk bahawa AIR tidak setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 3: Agak tidak setuju** merujuk bahawa AIR agak tidak setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 4: Agak setuju** merujuk bahawa AIR agak setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 5: Setuju** merujuk bahawa AIR setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

- **Kod 6: Sangat setuju** merujuk bahawa AIR sangat setuju bahawa sistem keadilan dalam negara dapat menyelesaikan pertikaian.

DISKRIMINASI

Diskriminasi merujuk kepada apa-apa perbezaan, pengecualian, batasan, keutamaan atau perlakuan diskriminasi lain yang didasarkan pada alasan diskriminasi yang dilarang dan mempunyai tujuan atau kesan membatalkan atau merosakkan pengiktirafan, kenikmatan atau pelaksanaan hak asasi manusia dan kebebasan asasi pada kedudukan yang sama dalam arena politik, ekonomi, sosial, budaya atau lain-lain.

F9 : Adakah anda secara peribadi merasa diskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada AIR secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada AIR secara peribadi tidak merasa didiskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas

Sekiranya AIR menjawab **Kod 2 Tidak**, terus ke **soalan F11**.

F10 : Sekiranya Ya pada F9, apakah jenis diskriminasi yang anda alami? (Jawapan berganda dibenarkan)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis diskriminasi yang dialami oleh AIR. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

- **Kod 1: Jantina** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan perbezaan jantina. Contohnya, seorang wanita menerima gaji yang lebih rendah berbanding lelaki yang mempunyai jawatan yang sama walaupun sumbangan mereka adalah sama.

- **Kod 2: Umur** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan tergolong dalam lingkungan umur tertentu. Contohnya, di negara Malaysia remaja sentiasa dianggap orang yang menimbulkan masalah sehingga timbul istilah masalah remaja.

- **Kod 3: Kecacatan atau Status Kesihatan** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan mereka mengalami kecacatan atau mempunyai masalah kesihatan tertentu. Contohnya, permohonan orang kurang upaya telah ditolak untuk mengisi jawatan yang tertentu walaupun mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan.

- **Kod 4: Etnik, Warna Kulit atau Bahasa** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan mempunyai perbezaan etnik, warna kulit atau bahasa pertuturan.

- **Kod 5: Status Migrasi** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan bukan warganegara.

- **Kod 6: Sosio Ekonomi** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan tahap kekayaan, pemilikan tanah, rumah atau pendidikan.

Individu tersebut dianggap berasal dari kumpulan atau kelas ekonomi yang berbeza.

- **Kod 7: Lokasi Geografi atau Tempat Kediaman** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan kawasan tempat tinggal. Contohnya, individu yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, kawasan elit atau penempatan tidak rasmi.

- **Kod 8: Agama** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan agama yang dianuti. Contohnya, memanggil individu yang berlainan agama dengan panggilan yang tidak mereka senangi.

- **Kod 9: Status Perkahwinan dan Keluarga** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan status perkahwinan seperti berstatus bujang, berkahwin, bercerai, balu/duda, hamil dengan atau tanpa anak, anak yatim atau dibesarkan oleh ibu bapa bukan kandung.

- **Kod 10: Orientasi Seksual** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan berlainan orientasi seksualnya.

  Jenis orientasi seksual
  a) Heteroseksual – Tarikan romantik dan seksual terhadap pasangan yang berlainan seks
  b) Biseksual – Tarikan romantik dan seksual terhadap kedua-dua jantina
  c) Homoseksualiti – Tarikan romantik dan seksual terhadap jantina yang sama
  d) Gay – Suatu label yang diberikan kepada lelaki yang mempunyai tarikan seksual kepada lelaki lain
  e) Lesbian – Suatu label yang diberikan kepada kaum wanita yang mempunyai tarikan seksual kepada wanita yang lain
  f) Transvestisme – Lelaki yang suka memakai pakaian wanita dan mempamerkan diri dikenali sebagai pondan atau maknyah
  g) Transeksual – Perempuan atau lelaki yang merasai diri mereka sepatutnya tergolong pada seks yang berlainan. Mereka merasakan bahawa mereka mempunyai organ seksual yang salah. Justeru itu, mereka menjalani pembedahan pertukaran seks.

- **Kod 11: Pendapat Politik** merujuk kepada individu yang diberi layanan tidak adil disebabkan individu tersebut mempunyai atau menyuarakan

pandangan politiknya yang bertentanggan dengan individu lain. Contohnya, menjadi ahli atau bukan ahli politik/ kesatuan kerja.

- **Kod 12: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada AIR menghadapi jenis diskriminasi lain selain yang dinyatakan**,** sila nyatakan jenis diskriminasi tersebut pada ruang yang disediakan.

PEMBUATAN KEPUTUSAN

F11 : Sejauh manakah anda mengatakan bahawa sistem tadbir urus kerajaan memberi peluang kepada anda untuk bersuara dalam apa yang dilakukan oleh kerajaan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sejauh mana AIR mengatakan bahawa sistem politik memberi peluang kepada mereka untuk bersuara dalam apa yang dilakukan oleh kerajaan.

Tandakan **(X)** pada skor antara **1** sehingga **5**.

Skor 1: Tidak sama sekali

Skor 2: Sangat Sedikit

Skor 3: Sesetengah

Skor 4: Banyak

Skor 5: Sangat banyak

F12 : Sejauh manakah anda mengatakan bahawa sistem ini membolehkan anda mempunyai pengaruh terhadap keputusan kerajaan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sejauh mana AIR mengatakan bahawa sistem politik membolehkan mereka mempunyai pengaruh terhadap politik.

Tandakan **(X)** antara skor **1** sehingga **5**.

Skor 1: Tidak sama sekali

Skor 2: Sangat Sedikit

Skor 3: Sesetengah

Skor 4: Banyak

Skor 5: Sangat banyak

<u>Penjelasan mengenai perkataan yang digunakan dalam soalan:</u>

Sistem politik di [negara]: Bentuk kerajaan tertentu. Sebagai contoh, demokrasi ialah sistem politik di mana rakyat mentadbir sendiri. Sistem politik lain termasuk republik, monarki, sistem komunis dan pemerintahan diktator.

Bersuara dalam perkara yang kerajaan lakukan bermakna mempunyai saluran untuk menyatakan tuntutan, pendapat atau keutamaan seseorang tentang apa yang kerajaan lakukan, dan rasa didengari.

Mempunyai pengaruh dalam politik bermaksud merasakan bahawa pembuat keputusan mendengar dan bertindak atas permintaan, pendapat atau pilihan seseorang.

5.7 MODUL G: TEMPAT KEDIAMAN

Pada soal selidik Modul G, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti kemudahan membasuh tangan, kemudahan sanitasi asas, tenaga bersih dan pembaziran makanan. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar:

a) Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan sanitasi yang diuruskan dengan selamat dan kemudahan mencuci tangan dengan sabun dan air;
b) Peratusan penduduk dengan pergantungan utama kepada bahan api dan teknologi bersih; dan
c) Dapatan pembaziran makanan berdasarkan jenis makanan dan penyebab pembaziran.

HANYA DIJAWAB OLEH KETUA ISI RUMAH ATAU WAKIL KETUA ISI RUMAH (G1 - G14)

KEMUDAHAN MEMBASUH TANGAN

Soalan-soalan di bawah bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai kemudahan membasuh tangan menggunakan air dan sabun di kediaman responden.

G1 : Adakah Tempat Kediaman anda mempunyai kemudahan membasuh tangan? Contoh: Singki/ paip air/ bekas air

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada Ketua Isi Rumah (KIR) mempunyai kemudahan membasuh tangan di Tempat Kediaman.

1. Singki	2. Paip air	3. Bekas air
		

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada kediaman KIR mempunyai kemudahan membasuh tangan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada kediaman KIR tidak mempunyai kemudahan membasuh tangan.

Sekiranya KIR menjawab **Kod 2 Tidak,** terus ke **soalan G3.**

G2 : Apakah yang anda gunakan untuk membasuh tangan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah yang digunakan oleh KIR untuk membasuh tangan. *Sanitizer* tangan tidak dikira sebagai agen pembersih untuk membasuh tangan.

- **Kod 1: Air** merujuk kepada KIR membasuh tangan dengan menggunakan air sahaja.

- **Kod 2: Air dan sabun** merujuk kepada KIR membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun.

KEMUDAHAN SANITASI ASAS

G3 : Adakah Tempat Kediaman anda mempunyai kemudahan tandas?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada kediaman KIR mempunyai kemudahan tandas ataupun tidak.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada kediaman KIR mempunyai kemudahan tandas.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada kediaman KIR tidak mempunyai kemudahan tandas.

Sekiranya KIR menjawab **Kod 2 Tidak,** terus ke **soalan G9**.

G4 : Sekiranya Ya pada G3, apakah jenis kemudahan tandas yang digunakan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti jenis kemudahan tandas yang digunakan di kediaman KIR.

- **Kod 1: Tandas pam/ tarik/ automatik** merupakan jenis-jenis tandas yang menggunakan tangki air untuk menyingkir bahan buangan manusia di mana kebiasanya terdapat di setiap kediaman.

- **Kod 2: Tandas curah** merupakan jenis tandas yang menggunakan air yang dicurah untuk menyingkir bahan buangan manusia (bukan tandas pam/ tarik/ automatik).



- **Kod 3: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jenis tandas selain daripada jenis-jenis tandas yang disenaraikan di atas. Catatkan jenis tandas yang digunakan di kediaman pada ruang yang disediakan.

G5 : Adakah anda berkongsi kemudahan tandas ini bersama orang lain yang bukan Ahli Isi Rumah anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti sama ada KIR berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan Ahli Isi Rumahnya. Kebersihan tandas yang dikongsi bersama orang lain kurang terjamin berbanding tandas yang hanya dikongsi dengan Ahli Isi Rumah dan boleh memberi kesan negatif terhadap privasi, maruah dan keselamatan, terutama bagi wanita dan gadis.

- **Kod 1: Ya** merujuk kepada KIR berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan Ahli Isi Rumahnya.


- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada KIR yang tidak berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan Ahli Isi Rumahnya.

G6 : Bagi tandas pam/ tarik/ automatik/ curah, ke manakah kumbahan itu disalurkan?


Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti sama ada KIR mengetahui ke manakah kumbahan itu disalurkan.

Nota: Jika Tempat Kediaman ini menerima bil daripada penyedia perkhidmatan pengurusan kumbahan seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sarawak, ini bermaksud Tempat Kediaman itu menggunakan sistem pembetungan bersambung.

- **Kod 1: Tangki septik individu** merujuk kepada tangki rawatan bahan kumbahan yang biasa digunakan di kawasan kediaman rumah perseorangan.



- **Kod 2: Sistem pembetungan bersambung** merujuk kepada sistem penyaliran najis, air kumbahan dan sebagainya ke loji pemprosesannya melalui rangkaian longkang atau saluran bawah tanah.



- **Kod 3: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

Sekiranya KIR menjawab **Kod 2 atau Kod 3,** terus ke **soalan G9.**

G7 : Adakah tangki septik tersebut dikosongkan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada tangki septik di kediaman KIR dikosongkan atau tidak.

- **Kod 1: Ya** membawa maksud tangki septik di kediaman KIR dikosongkan.

- **Kod 2: Tidak** merujuk kepada tangki septik di kediaman KIR tidak dikosongkan.

Sekiranya KIR menjawab **Kod 2**, terus ke **soalan G9**.

G8 : Di manakah kumbahan itu dihantar/ ditempatkan?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR mengetahui lokasi kumbahan itu dihantar atau ditempatkan.

- **Kod 1: Tempat rawatan (oleh penyedia perkhidmatan)** merujuk kepada loji rawatan kumbahan iaitu tempat memproses bahan buangan daripada air sisa, terutamanya daripada kumbahan di rumah.

- **Kod 2: Sungai/ parit** merujuk kepada kumbahan disalurkan terus ke sungai atau parit.

- **Kod 3: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

TENAGA BERSIH

G9: Apakah jenis dapur utama yang digunakan untuk memasak?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis dapur utama yang digunakan KIR untuk memasak di rumah.

- **Kod 1: Dapur gas memasak/ Gas Petroleum Cecair (LPG)/ Gas Asli (NG)** merupakan dapur yang menggunakan gas petroleum cecair (LPG) atau gas asli (NG) sebagai bahan bakar untuk memasak.

- **LPG** adalah dalam bentuk gas pada suhu dan tekanan persekitaran biasa, tetapi menjadi cecair apabila dimampatkan. Untuk pengedaran kepada pengguna, LPG dibotolkan dalam tong gas individu berbentuk silinder dalam pelbagai saiz (antara 3 kg hingga 50 kg atau lebih besar). Bekas kosong ini biasanya perlu dikembalikan ke stesen pembotolan untuk diisi semula.

- **NG** disalurkan ke rumah, perniagaan dan industri di mana ia dibakar untuk panas atau untuk menjana elektrik.

Contoh dapur gas petroleum cecair (LPG)	Contoh Gas Asli (NG)
	

- **Kod 2: Dapur solar** merupakan dapur yang menggunakan tenaga solar, mengubahnya menjadi panas dan mengekalkan haba tersebut untuk memasak. Dapur solar terdapat dalam pelbagai bentuk termasuk parabola, segi empat dan panel.

Contoh dapur solar	
Dapur solar segi empat	Dapur solar parabola
	

- **Kod 3: Dapur elektrik** merupakan dapur yang menggunakan tenaga elektrik bagi penghasilan haba untuk memasak. Tenaga elektrik yang menghidupkan dapur ini dihasilkan di luar rumah dan diedarkan ke rumah

melalui grid atau mikro grid. Ia juga boleh dihasilkan di rumah melalui penjana tetap/ mudah alih atau sistem solar.

Contoh dapur elektrik	
Dapur elektrik	Dapur induksi
	

- **Kod 4: Dapur minyak tanah** merupakan dapur yang menggunakan minyak tanah sebagai bahan pembakar. Contoh dapur minyak tanah.



- **Kod 5: Dapur kayu/ arang** merupakan dapur yang menggunakan kayu atau arang yang dibakar bagi menghasilkan api untuk memasak.

Contoh dapur kayu/ arang	
Dapur kayu	Dapur arang
	

- **Kod 6: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

G10 : Apakah sumber utama yang digunakan untuk pencahayaan di Tempat Kediaman anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis punca utama yang digunakan bagi mendapatkan pencahayaan di Tempat Kediaman.

- **Kod 1: Elektrik** merupakan tenaga yang boleh dihasilkan di luar rumah dan diedarkan ke rumah melalui grid atau mikro-grid. Ia juga dapat dihasilkan di rumah dengan penjana tetap atau penjana mudah alih atau sistem solar.

Contoh pencahayaan yang menggunakan elektrik		
Mentol pijar dan kabel elektrik 	Lampu pendarfluor 	Mentol LED 

- **Kod 2: Solar** merupakan cahaya yang dihasilkan melalui panel solar. Panel solar berfungsi untuk menukarkan cahaya UV matahari kepada elektrik pada siang hari.

Contoh pencahayaan yang menggunakan solar			
			

- **Kod 3: Penjana kuasa individu** merupakan satu proses pengeluaran tenaga elektrik dengan jumlah yang besar hasil daripada penukaran tenaga mekanik kepada tenaga elektrik. Contoh pencahayaan yang menggunakan penjana kuasa individu.



- **Kod 4: Minyak Tanah** merupakan cahaya yang dihasilkan melalui minyak tanah. Lampu minyak ialah objek yang digunakan untuk menghasilkan cahaya secara berterusan untuk tempoh masa menggunakan sumber bahan api berasaskan minyak. Contoh pencahayaan menggunakan minyak tanah.



- **Kod 5: Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

PEMBAZIRAN MAKANAN

G11 : Bagaimanakah cara pembuangan sisa makanan di Tempat Kediaman anda?

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui cara pembuangan sisa makanan di Tempat Kediaman Isi Rumah tersebut.

- **Kod 1: Secara berasingan** merujuk kepada sisa makanan dibuang secara terasing daripada jenis sisa lain seperti plastik, kertas, atau kaca.

- **Kod 2: Secara campur** merujuk kepada sisa makanan dibuang bersama-sama dengan sisa lain tanpa pengasingan.

G12 : Sila nyatakan anggaran kuantiti sisa makanan mentah dan makanan diproses/ dimasak yang dibuang pada minggu lalu oleh Isi Rumah anda.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran kuantiti sisa makanan mentah dan makanan diproses atau dimasak yang dibuang setiap minggu oleh Isi Rumah.

Tandakan **(X)** di ruangan yang disediakan bagi anggaran kuatiti sisa makanan di Tempat Kediaman anda.

1. **Mentah**
    1. Kurang dari 500 g
    2. Antara 500 g dan 999 g
    3. Antara 1 kg dan 3kg
    4. Antara 3.1 kg dan 5 kg
    5. Lebih daripada 5 kg
    6. Tiada sisa makanan

2. **Diproses/ Dimasak**
    1. Kurang dari 500 g
    2. Antara 500 g dan 999 g
    3. Antara 1 kg dan 3 kg
    4. Antara 3.1 kg dan 5 kg
    5. Lebih daripada 5 kg
    6. Tiada sisa makanan

G13 : Sila pilih 3 jenis makanan mentah dan makanan diproses/ dimasak yang paling kerap dibuang oleh Isi Rumah anda? (Jawapan berganda dibenarkan).

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui tiga jenis makanan mentah dan makanan diproses atau dimasak yang paling kerap dibuang oleh isi rumah tersebut.

Tandakan **(X)** di ruangan yang disediakan bagi jenis makanan yang kerap dibuang di Tempat Kediaman anda.

1. **Mentah**

    1. Beras
    2. Sayur-sayuran
    3. Buah-buahan
    4. Ayam/ Daging
    5. Ikan/ Makanan laut
    6. Susu/ Telur

2. **Diproses/ Dimasak**

    1. Nasi
    2. Sayur-sayuran
    3. Buah-buahan
    4. Ayam/ Daging
    5. Ikan/ Makanan laut
    6. Susu/ Telur

7. Roti
8. Kek/ Biskut
9. Produk makanan kering/ Tin/ Balang
10. Makanan dari luar
11. Lain-lain (Nyatakan)

Nyatakan jenis makanan lain sekiranya makanan tersebut tidak tersenarai pada ruangan yang disediakan.

G14 : Apakah penyebab utama kepada pembaziran makanan oleh Isi Rumah anda? Sila pilih 4 sebab utama anda. (Jawapan berganda dibenarkan).

Tujuan soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui penyebab utama kepada pembaziran makanan oleh Isi Rumah. Isi Rumah perlu memilih empat sebab utama.

1. Makanan tamat tempoh
2. Pembelian berlebihan
3. Terlebih dalam memasak
4. Simpan lebihan makanan di dalam peti sejuk & peti sejuk beku terlalu lama
5. Memerlukan ruang untuk pembelian terkini
6. Rasa makanan berbeza daripada penampilannya
7. Pembaziran makanan disebabkan pembelian makanan viral
8. Amalan penyimpanan makanan kurang baik
9. Perlabelan menimbulkan kekeliruan
10. Tidak membuang sebarang makanan